

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kemeriterian**

HARIISNIN : 21 MARCH 2011

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

VISAUVVIM M3\$THVA
MVOMVamartwde. MVONVAVVU
IMV3

【(OHGd1NŷH)MVIHVH IIVtSYH VHVANNdWFLF na】
Zl sp syOOmH3 ^ ^ ^Yrjyos KT^dvMvFNydVAVVf 'vIosl

(z∟ vsmH e| | 3o∟VIVOS)

MVAVWa I/Mviwaia avAWf m Hvdva xv ∟ HOMVA wv sn SYAVVf
MY VAzVHoivFHIMVAMMH>kwMvDVAVVf-NYdVAVVf

MVomamYM

NO. SOALAN : 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH

21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi Suruhanjaya Diraja jika saranan mereka tidak wajib dilaksanakan oleh Kerajaan dan jika benar, adakah Kerajaan bersetuju untuk menghapuskan sahaja mekanisma Suruhanjaya Diraja.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, Suruhanjaya Siasatan ditubuhkan untuk menyiasat secara terperinci berhubung dengan perkara tertentu yang mendesak dan melibatkan kepentingan awam (*vital public importance*). Suruhanjaya Siasatan berperanan untuk membantu Kerajaan dalam mendapatkan pandangan dan fakta yang jelas (*to be better informed*) sebelum membuat sesuatu keputusan berhubung dengan perkara tertentu.

Seksyen 8 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta* 119] memperuntukkan kuasa Suruhanjaya Siasatan seperti yang berikut:

- (a) memperoleh, menghendaki dan menerima segala keterangan untuk diperiksa;

- (b) menyaman dan mengeluarkan waran tangkap kepada mana- mana orang di Malaysia untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen dalam miliknya;

mendenda mana-mana orang yang gagal hadir untuk memberi
(c) keterangan setelah diarahkan; dan

(d) menerima apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan yang mungkin tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah.

Suruhanjaya Siasatan berperanan untuk menjalankan penyiasatan berhubung dengan perkara yang ditetapkan melalui Tauliah yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 2(1) Akta 119. Dalam melaksanakan sesuatu penyiasatan, Pesuruhjaya yang dilantik diberi kuasa untuk menerima apa-apa keterangan secara bertulis ataupun lisan dan seterusnya bertanggungjawab untuk menganalisis keterangan yang diperoleh itu secara terperinci. Pada akhir tempoh penyiasatan yang telah ditetapkan oleh Tauliah, Pesuruhjaya yang dilantik ini hendaklah mengemukakan hasil penyiasatan dalam bentuk Laporan kepada Yang di-Pertuan Agong yang kemudiannya akan diserahkan kepada Jemaah Menteri untuk tindakan sewajarnya.

Laporan yang dikemukakan ini kebiasaannya akan mengandungi fakta terperinci berhubung dengan sesuatu perkara, hasil dapatan Pesuruhjaya (*findings*) berdasarkan fakta yang dikemukakan dan saranan yang perlu diambil berhubung dengan sesuatu perkara yang telah disiasat.

Perlu ditekankan bahawa peranan Suruhanjaya Siasatan ini adalah untuk membantu dan menasihati Kerajaan dalam memahami sesuatu perkara itu dengan lebih jelas dan terperinci melalui hasil Laporrannya dan bukannya untuk memberi sesuatu keputusan berhubung dengan sesuatu perkara.

Perkara ini diakui oleh Hakim Dato , Abdul Kadir dalam kes ***Dato , Kanagalingam Velupillai The Royal Commission of Enquiry on The Video Clip Recording of Images of a Person Purported to be an Advocate and Solicitor Speaking on the Telephone on Matters Regarding the Appointment of Judges & other Cases*** yang menyatakan bahawa hasil laporan Suruhanjaya Siasatan adalah hanya bersifat “hasil dapatan” (*findings*) dan bukannya bersifat “keputusan” (*decision*).

Kerajaan sememangnya mengambil berat cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Siasatan dan Kerajaan telah mengambil tindakan

susunan berdasarkan hasil Laporan Suruhanjaya Siasatan. Sebagai contoh, lanjutan daripada syor Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM, Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen.

Selanjutnya, atas syor Suruhanjaya Diraja berkaitan dengan kes V.K. Lingam (Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk menyiasat rakaman klip video mengenai seseorang yang berupa peguam bela dan peguam cara bercakap menerusi telefon tentang perkara yang berhubungan dengan pelantikan hakim-hakim), empat kertas penyiasatan telah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Walau bagaimanapun, tiada kes difailkan di mahkamah memandangkan tiada keterangan yang mencukupi untuk membuktikan pertuduhan. Selain itu, lanjutan daripada syor Suruhanjaya ini juga, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*] telah digubal dan berkuat kuasa pada 2 Februari 2009.

Oleh yang demikian, berdasarkan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan jelas membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan terbuka dalam menangani isu yang melibatkan kepentingan awam. Setiap saranan dan syor Suruhanjaya Siasatan yang ditubuhkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui kuasa undang-undang di bawah Akta 119 akan diberi perhatian, dihalusi dan dilaksanakan

oleh Kerajaan, sekiranya bersesuaian.

Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan mekanisme Suruhanjaya
Siasatan yang sedia ada setakat ini_

SOALAN 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH HENG [GELANG PATAH]
TARIKH	21 MAC 2011
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

- (a) Langkah-langkah untuk mempromosikan Homestay dan rancangan memperbaikinya; dan
- (b) Jumlah pelancong asing yang menggunakan kemudahan Homestay.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia dengan kerjasama Persatuan Homestay Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Pengalaman Homestay Malaysia atau "*Malaysia Homestay Experience*" dengan izin , kepada para pelancong di dalam dan luar negara. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi mempromosikan produk Homestay adalah:

- i. Menyertai aktiviti-aktiviti pameran yang diadakan setiap tahun khususnya dalam mempromosikan produk Homestay seperti menyertai Misi Jualan Domestik (MJD), Pameran Malaysia Domestic Travel Fair (MDTF), Pameran Antarabangsa One Village One Product (OVOP) di luar negaradan Pameran Malaysia Travel Fair di Singapura;
- ii_ Melaksanakan kempen go2homestay.com yang mempromosikan Homestay-Homestay di seluruh Malaysia menerusi aplikasi telefon bimbit, perkhidmatan SMS/MMS, pengiklanan di dalam laman web www.go2homestav.conn, dan pengiklanan menerusi media cetak serta elektronik;

Mencetak dan menerbitkan lebih banyak brosur- brosur Homestaydan CD Homestay di dalam pelbagai bahasa untuk diedarkan kepada para pelancong;

Mengadakan taklimat dan seminar khas mengenai pembangunan pakej-pakej Homestay yang lebih menarik, kreatif dan inovatif contohnya Seminar "Discovery of Western Pahang" yang telah diadakan di Raub, Kuala Lipis dan Cameron Highland, Pahang pada 6 - 9 Disember 2010 lalu;

Mengadakan Misi Promosi Homestay ke luar negara bagi memperluaskan lagi pasaran Homestay ke luar negara seperti ke Indonesia, Vietnam, Korea, Jepun, Australia dan Belanda; dan

Menyertai Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang diadakan setiap tahun anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di peringkat zon dan peringkat kebangsaan dengan membawa usahawan-usahawan Homestay untuk menjual dan mempamerkan produk Homestay masing-masing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Rancangan bagi meningkatkan aktiviti promosi Pengalaman Homestay Malaysia adalah seperti:

- i. Memperbanyakkan papan tanda tunjuk arah dan informasi ke tempat-tempat produk pelancongan khususnya Homestay dalam membantu usaha promosi dan publisiti yang lebih meluas serta memudahkan para pelancong menuju ke destinasi Homestay yang dipilih;
- ii. Menggunakan kaedah promosi yang lebih pantas dan terkini seperti

promosi menerusi telefon bimbit, laman web dan rangkaian sosial seperti *facebook* dan *twitter*;

- iii. Memupuk kerjasama erat di antara pengusaha Homestay dan agensi pelancongan untuk mempromosikan produk Homestay supaya dapat membawa masuk lebih ramai pelancong ke Homestay dengan mengadakan *jt/s/ness matching* dan *seller meet buyer*.
- iv. Mencari peluang dan memperbanyakkan lagi penyertaan Homestay di dalam pameran antarabangsa dalam usaha untuk memperkenalkan dan meluaskan lagi pasaran produk Homestay di luar dunia; dan
- v. Kementerian Pelancongan hanya mempromosikan Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian ini dan mempunyai logo Homestay sahaja.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Pelancongan, bilangan kedatangan pelancong asing ke Homestay pada tahun 2010 adalah seramai 49,126 orang iaitu peningkatan sebanyak 55.8% berbanding tahun 2009 iaitu seramai 31,523 orang.

Pecahan pelancong asing mengikut negara yang telah berkunjung ke Homestay di Malaysia pada tahun 2010 adalah:

BIL	NEGARA	JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG
1.	Singapura	25,785 orang
2.	Jepun	10,988 orang
3.	Eropah	4,559 orang
4.	Australia	2,003 orang
5.	Brunei	1,023 orang
6.	Korea	986 orang
7.	Indonesia	864 orang
8.	Amerika Syarikat	505 orang
9.	Afrika	399 orang
10.	Thailand	280 orang
11.	Lain-lain	1,734 orang
JUMLAH		49,126 orang

PEMBERUAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT **SOALAN NO.: 13**

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**

[HULUTERENGGANU]

TARIKH **21 MAC 2011 , ISNIN**

SOALAN: Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA Tuan Haji** menyatakan langkah-langkah konkrit yang akan dilaksanakan **Peneraju MENTERI** Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi memastikan matlamat tercapai. oleh unit

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah dilancarkan pada 8 Februari 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri. TERAJU melapor terus kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang dipengeruskian oleh YAB Perdana Menteri. TERAJU berfungsi sebagai urusetia tetap dan sepenuh masa bagi MTAB dan bertindak sebagai agensi pelaksana utama

bagi dasar serta strategi yang ditetapkan oleh MTAB. Tanggungjawab utama TERAJU adalah untuk mentransformasi dan memperkukuhkan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera, selaras dengan konsep pertumbuhan dengan pengagihan yang dipraktikkan oleh Kerajaan.

Dalam kita melangkah ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi , pelbagai langkah penambahbaikan akan dilaksanakan, yang antaranya telah termaktub di dalam Model baru Ekonomi, Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP). Sehubungan itu, dalam konteks yang sama, Penubuhan MTAB dan TERAJU mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menambahbaik strategi serta inisiatif agenda pembangunan Bumiputera. Ini adalah penting kerana pembangunan masyarakat Bumiputera, yang merangkumi majoriti rakyat Malaysia, adalah kritikal untuk menyumbang kepada pembangunan negara keseluruhannya.

Sebelum ini, agenda pembangunan Bumiputera dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan. Dalam hal ini , penubuhan TERAJU sebagai entiti tunggal utama membolehkan strategi serta inisiatif dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan persepektif yang meluas. Selain itu, selaras dengan keadaan dan cabaran semasa, pendekatan yang diamalkan oleh TERAJU berasaskan empat prinsip utama iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan. Keempat-empat ini perlu menjadi asas transformasi agenda transformasi Bumiputera untuk mengelakkan ketirisan dan meningkatkan kemampuan.

TERAJU juga akan merencana agenda pembangunan Bumiputera selaras dengan prinsip yang telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia KeSepuluh. Sebelum ini, aspek pemilikan ekuiti banyak diberikan tumpuan sebagai kayuukur utama agenda pembangunan Bumiputera.

Walaupun bagaimanapun, melangkah ke hadapan, aspek pemilikan kekayaan yang lain akan turut diberi penekanan termasuk pemilikan hartanah dan premis perniagaan. Selain itu, aspek bukan kewangan terutamanya pembangunan modal insan Bumiputera juga akan diberikan tumpuan. Pembangunan modal insan Bumiputera di pelbagai peringkat akan diperkasakan untuk meningkatkan bilangan professional dan pekerja Bumiputera yang berpendapatan tinggi. Ini mencerminkan pendekatan holistik yang diamalkan, di mana bukan sahaja aspek keusahawanan Bumiputera diambil kira, tetapi juga aspek gunatenaga Bumiputera, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Selain itu, seperti yang diutarakan oleh Rancangan Malaysia KeSepuluh, Kerajaan menyedari bahawa masyarakat Bumiputera telah banyak mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek, termasuk dari segi peningkatan keupayaan, kekayaan dan kemahiran. Melangkah ke hadapan, kita perlu membina ke atas kemajuan yang telah dicapai ini, agar masyarakat Bumiputera dapat bersaing ke persada yang lebih tinggi lagi. Sebagai contoh, syarikat Bumiputera berpotensi yang membuktikan kebolehan serta kewibawaan akan disokong untuk maju ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan hasrat kerajaan supaya syarikat-syarikat ini dapat merealisasikan kemampuan mereka secara optimum.

Dengan mandat dan pendekatan baru ini, TERAJU akan memfokuskan usaha untuk menyuntik nafas dan semangat baru kepada agenda pembangunan Bumiputera. Dalam hal ini, TERAJU akan berkerjasama dengan semua Kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan agenda pembangunan Bumiputera yang inovatif, efektif dan bersepadu.

Dalam masa terdekat ini, TERAJU akan melaksanakan makmal bersama kesemua stakeholder yang berkaitan, bagi mengupas isu, berdiskusi dan bercambah fikiran dengan mendalam akan strategi serta langkah yang terbaik pada masa hadapan. Antara lain, pendekatan makmal tersebut akan mengenalpasti peluang yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Bumiputera dalam 131 Entry Point Projects (EPP) dan 60 peluang perniagaan (BO), yang telah diumumkan oleh Kerajaan berkaitan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Makmal tersebut akan dilaksanakan pada 21 Mac 2011 selama dua minggu, dan laporan dan cadangan makmal tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera untuk tindakan lanjut.

NO. SOALAN : 14

PEMBERUAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATO' 丁八日 AZAMUDDEN BIN MD TAIB

[BALING]

TARIKH

21.03.2011 (ISNIN)

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan bilakah Kementerian akan menyerapkan 1600 pegawai pemantau harga yang telah melewati lebih dua tahun menjawat jawatan tersebut secara "kontrak'

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini pihak Kementerian masih lagi mengkaji dan memperhalusi cadangan bagi menyerap Pegawai Pemantau Harga (PPH) menjadi kakitangan tetap Kerajaan. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan ini perlulah diteliti dengan sebaik-baiknya supaya ianya selaras dengan peraturan dan dasar-dasar Kerajaan yang sedang berkuat kuasa sekarang ini. Sehubungan itu, sementara menunggu hasil kajian dan persetujuan dicapai bersama Agensi Pusat berhubung perkara ini, pihak Kementerian telah memohon dan berjaya

mendapatkan kelulusan pelanjutan kontrak bagi PPH termasuk mereka yang berkhidmat melebihi dua (2) tahun untuk tempoh setahun lagi mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011. Diharapkan dalam tempoh jangka masa setahun ini hasil kajian akan dapat diperolehi yang mana ianya dapat memenuhi keperluan untuk menyerap PPH ke jawatan tetap dan dalam masa yang sama tidak bertentangan dengan peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan pada masa ini

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

Dato , Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]
21 MAC 2011 (ISNIN)

Dato , Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan bentuk pampasan yang sudah dan
akan diberi kepada nelayan-nelayan di sekitar Pulau
Pinang yang terjejas pendapatan mereka ekoran
pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Pampasan nelayan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) manakala bagi penternak ikan sangkar laut dan penternak kerang diuruskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Pampasan berjumlah RM2.072 juta telah dibayar kepada 5 orang penternak kerang oleh syarikat konsesi yang mana kawasan ternakan mereka terkena '*direct impact*' ataupun kawasan ternakan mereka diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri.

Manakala seramai 109 orang penternak sangkar dan 20 orang penternak kerang '*indirect impact*', mahupun berhampiran dengan jajaran pembinaan jambatan masih dalam proses rundingan untuk pembayaran saguhati.

Kaedah pembayaran untuk baki penternak ini ialah berdasarkan kaedah insentif yang dicadangkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, dimana keseluruhan

pampasan adalah sebanyak RM2.556 juta. Jumlah sebenar pampasan yang akan dibayar sedang dirundingkan dengan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB).

Selain itu, bagi nelayan pantai pula jumlah pampasan yang dibayar akan ditentukan setelah LKIM mengadakan perbincangan dengan JKSB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY 21 MAC

TARIKH

2011 (ISNIN)

SOALAN

NO.16

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Universiti Sains Malaysia (USM) berbanding dengan universiti lain di Malaysia dan adakah status APEX yang dicapai Universiti tersebut telah memberi nafas baru kepada pencapaian serta perkembangan ilmu para pelajar Universiti berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih untuk menjalankan program *Accelerated Programme for Excellence* atau ringkasnya APEX pada 3 September 2008 oleh Jawatankuasa Pemilihan Universiti APEX. Setelah mendapat status tersebut, USM diberi lebih peruntukan untuk menjalankan penyelidikan dan juga diberi autonomi dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, kemasukan pelajar, dan penyediaan prasarana penyelidikan.

Setelah melaksanakan program APEX selama lebih kurang 2 tahun, USM telah mencapai lonjakan yang signifikan dalam pelbagai bidang ilmu sama ada di peringkat antarabangsa ataupun di peringkat tempatan iaitu:

i. **bidang Pendidikan & Pembelajaran serta Pengajian Ijazah Tinggi**, antara kejayaannya adalah seperti berikut:

- a) USM telah berjaya melahirkan ramai tokoh ICT dan perisian terkemuka dunia dengan menubuhkan Centre of Engineering Excellence (CEE) melalui kerjasama dengan Indian Institute of Technology Kanpur (IIT);
- b) USM juga bekerjasama dengan Karnataka Lingayat Education Society untuk menawarkan pengajian menggunakan kurikulum Sains Perubatan USM di India.; dan
- c) Daripada 1,479 staf akademik USM, 87.7% telah mempunyai kelulusan pada peringkat doktor falsafah atau setara yang mana pencapaian ini telah melangkaui sasaran dalam PSPTN .

ii. **bidang Penyelidikan dan Inovasi**, penyelidik USM telah berjaya menghasilkan penemuan-penemuan baru yang boleh memacu ekonomi negara dan telah dikomersilkan di peringkat antarabangsa. Di antara kejayaan-kejayaan berkaitan R&D USM adalah seperti berikut:

- a) **penemuan Genom Getah Pertama Di Dunia yang berjaya meningkatkan penghasilan getah melalui penggunaan teknologi penjujukan DNA (*DNA sequencing*) dengan kos teknologi yang lebih murah;**
- b) Penubuhan **Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS))** untuk menyediakan

hala tuju dan rangkaian kerjasama sedunia dalam menangani isu-isu kelestarian global;

- c) **Penubuhan InnovationXChange** atau **IXC Malaysia Sdn. Bhd** yang merupakan ketiga seumpamanya di dunia selain dari **Australia dan United Kingdom**;
- d) **Pusat Penyelidikan Arkeologi Global** dinaiktaraf selaras dengan penemuan artifak tapak genggam di tapak ekskavasi Bukit Bunuh Lenggong Perak berupaya mencabar Teori 'Out of Africa' yang menyaranakan bahawa manusia terawal ditemui sekitar 1.7 - 1.8 juta tahun dari Georgia manakala penemuan baru ini mempunyai pentarikhan 1.83 juta tahun yang menunjukkan bahawa manusia terawal mungkin berasal dari bumi Malaysia;
- e) **Pusat Kolagen Halal Tercanggih** sedunia kini diterokai oleh USM hasil kerjasama yang dijalin dengan syarikat berteraskan bioteknologi, Holista-Colltech dengan meletakkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai hub kolagen halal selaras dengan perkembangan yang berlaku di serata dunia; dan
- f) memberikan kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk **pendidikan** untuk **perdamaian** dengan kejayaan yang ditunjukkan melalui usaha membawa lebih 30 orang pemimpin IPT dari Mindanao Filipina bagi menggunakan pendidikan dalam proses perdamaian secara lestari, usaha membantu manusia sedunia yang berhadapan dengan bencana alam,

memajukan produk penyelidikan untuk menolong mereka yang berada di bawah garis kemiskinan dengan menggunakan kit-kit perubatan yang jauh lebih murah dan berkesan ke lebih 20 buah negara.

- iii. **melalui Khidmat Pelajar & Alumni** · Pelajar USM telah mengharumkan negara dalam beberapa pertandingan utama dunia antaranya ialah Imagine Cup

di Mesir (pelajar-pelajar Sains Komputer) dan dalam British Invention Show di London.

- iv. **melalui Khidmat & Aktiviti Luar**, USM berjaya mengadakan **Persidangan University-Community Engagement (UCEC-2009)**, **satu-satunya seumpama ini yang pernah dilakukan** di dalam negara mahu pun di rantau ini pada 23-26 November 2009 anjuran BJIM dengan kerjasama Global Alliance on Community Engaged Research (GACER) serta UNESCO-APEID yang dihadiri oleh 216 orang peserta dari 16 negara;
- v. kejayaan USM mengambil pelajarannya melalui ujian *Malaysian University Selection Inventory (MUnSyl)* adalah satu langkah yang positif berdasarkan dapatan kajian yang dibuat oleh penyelidik- penyelidik UPM. Menerusi MUnSyl, USM memperolehi maklumat kualiti intrinsik calon dari segi kerjaya yang diminati, personaliti, nilai integriti, kecerdasan emosi dan patriotism;
- vi. kejayaan USM menggembleng para pelajar untuk mengadakan kempen secara besar-besaran dalam mengurangkan penggunaan plastik dan tidak menggunakan polistrina memberi kesan yang besar dalam dasar alam sekitar negara dan mendapat pengiktirafan di Barcelona dan Tokyo;
- vii. Kejayaan pelajar-pelajar USM dalam mengupas isu-isu sejangkit yang selama ini agak asing seperti isu *Millennium Development Goal* Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menjadikan pelajar-pelajar USM lebih peka dan sensitif terhadap isu-isu yang berlaku di peringkat antarabangsa; dan

viii. satu-satunya IPTA yang telah berjaya menubuhkan Parlimen Mahasiswa yang dikenali dengan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) yang menjadi platform kepada pelajar memberi pandangan dan pendapat terhadap isu-isu semasa dalam dan luar negara. Menerusi DPP juga, pelajar-pelajar yang terpilih menganggotainya akan dapat pengalaman yang tentunya berguna untuk mereka menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara di masa akan datang.

SULIT

AW: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISA
N

DARIPADA

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI
HARON [TANGGA BATU]

TARIKH

21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN NO, 17

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) apakah ukuran yang dapat diberikan kepada belia- belia pada ketika ini di dalam aspek kemajuan fizikal dan mental ke arah pencapaian wawasan 2020; dan
- (b) apakah KPI / NKRA (Bidang Keberhasilan Utama) bagi menentukan belia-belia kita bersedia untuk pengisian negara maju kelak.

JAWAPAN

1. Kerajaan sentiasa melaksanakan program-program yang selari dengan matlamat utama Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, setiap agensi-agensi kerajaan di bawah Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia yang berkaitan dengannya telah menjalankan peranan masing-masing dalam menyediakan belia Malaysia ke arah Wawasan 2020. Bagi Kementerian Belia dan Sukan, kemajuan fizikal dan mental yang dicapai sepanjang tempoh 5 tahun lalu (2006 hingga 2010) telah dijayakan di mana sebanyak 6 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) baru telah dibina menjadikan jumlah keseluruhan 21 buah pada tahun 2011. IKBN ini telah berjaya melahirkan seramai 34,316 graduan dalam pelbagai bidang kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja separa mahir negara.

SULIT |

SULIT

2. Manakalaseramai 461,374 belia telah mengikuti program keilmuan dalam

bidang kepimpinan dan kerohanian (untuk tempoh 5 tahun) bagi merealisasikan matlamat wawasan mewujudkan masyarakat yang bermoral, beretika serta mengamalkan nilai-nilai murni.

3. Manakaladi bawah Bidang Keberhasilan Utama bagi menentukan belia-belia

kita bersedia untuk pengisian negara maju pula, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:

- (i) Peningkatan pasaran kerja di kalangan lepasan IKBN;
- (ii) Laporan berpusat bagi aktiviti sukan massa;
- (iii) Jumlah bakat yang berpotensi untuk dibimbing sebagai atlet elit kebangsaan;
- (iv) Jumlah sukan yang disenaraikan dalam 8 ranking dunia; dan
- (v) Melahirkan sukarelawan yang berkualiti di bawah program MyCorps.

Antara belia Malaysia yang cemerlang dalam pelbagai bidang yang boleh disebutkan termasuklah:

1. Afzal Abdul Rahim, 33 tahun

- Ketua Pegawai Eksekutif, Time dotcom Berhad
- Lulusan University of Sussex
- Pengerusi Global Transit International dan The AIMS Asia Group
- Pengasas MyIX (Malaysia Internet Exchange)

2. Timothy Tiah Ewe Tiam, 26 tahun

- Pengasas dan pengarah Eksekutif Nuffnand Sdn. Bhd
- Lulusan University College London
- Senarai 25 Usahawan Muda Asia dalam Majalah BusinessWeek

3. Wilson J Q Quah, 26 tahun

- Pengasas WineActually
- Pengacara TV
- Kelulusan dalam bidang Kewangan

SULIT

4. Ziahul Asraf Syed Sultan, 31 tahun

- Ketua Pegawai Eksekutif GREAT People Sdn. Bhd
- Pakar dalam bidang kayak di laut
- Pemegang 5 Rekod Malaysia dalam kayak laut jarak jauh

5. Ellynita Hazlina Lamin, 34

- Ketua Pegawai Eksekutif Azhire Sdn. Bhd
- Pengurus kanan Cradle Fund Sdn. Bhd
- Sukarelawan di Aceh
- Penerima Anugerah "Great Women of Our Time" 2009

6. Chew Hoong Ling, 30

- Penderma organ
- Pengarang buku 'I don't Know You but Let Me Save You'
- Penerima Anugerah "Great Women of Our Time" 2008

7. Adrian Lasimbang, 34

- Penerima anugerah Outstanding Young Malaysia 2008
- Pengerusi Malaysia Environmental NGO(MENGO)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO¹ NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 MAC 2011

SOALAN:

DATO¹ Ngeh Koo Ham minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapa pasir sungai tidak boleh dijual kepada Negara Singapura sungguhpun ia akan mendatangkan banyak faedah kepada Negara Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 15 Januari 1997 telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan sebarang pengeksportan pasir termasuk pasir sungai ke luar negara. Tujuan larangan ini adalah untuk memastikan bekalan pasir sentiasa mencukupi bagi menampung kegunaan dalam negara khususnya di sektor pembinaan. Selain daripada itu, langkah ini diambil bagi mengelak harga pasir biasa di pasaran tempatan dari melambung tinggi yang boleh mengakibatkan kos pembinaan untuk perumahan dan infrastruktur-infrastruktur lain yang penting untuk kesejahteraan rakyat menjadi terlalu mahal.

Namun begitu, pasir jenis lain, iaitu pasir silika dan pasir penapis (filter sand) dibenarkan untuk dieksport dengan syarat pengeksport mempunyai permit eksport (AP) yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]
Tarikh Menjawab	21 Mac 2011 (Isnin)
Soalan	No. 19

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keadaan masa kini di mana kebanyakan kawasan bekas pembalakan dibangunkan untuk tujuan ladang komersial seperti estet-estet kelapa sawit dan getah, apakah adanya suatu mekanisme pemantauan yang diimplementasikan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan hasil ataupun produk ini dapat diterima oleh pasaran luar negeri dan pembangunan estet-estet tanaman komersial ini memenuhi piawaian dan garis panduan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penentuan dan syarat penggunaan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri termasuk keputusan untuk membenarkan penanaman sawit dan getah di kawasan bekas pembalakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian melalui agensi-agensinya sentiasa memantau aktiviti-aktiviti penanaman sawit dan getah agar memenuhi piawaian dan garis panduan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa. Umpamanya, bagi sektor sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melaksanakan sistem pensijilan di bawah Kod Amalan Baik yang meliputi semua aktiviti sepanjang rangkaian pengeluaran sawit. Selain itu, ladang-ladang komersial sawit juga digalakkan untuk mendapat pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan di bawah *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) yang disambut baik oleh negara pembeli.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi penanaman getah yang dilaksanakan secara komersial umpamanya di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan, ia perlu mematuhi garis panduan penilaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Antara perkara yang ditekankan adalah ianya tidak menunjukkan kesan negatif ke atas alam sekitar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING
JAYA UTARA]**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **21.03.2011**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab syarikat Pembinaan BLT (PBLT) Sdn Bhd diberikan konsesi untuk membina kesemua ibu pejabat polis seluruh Negara sehingga 2014 dan jaminan Kerajaan yang telah diberikan supaya PBLT dapat

pinjaman sukuk sebanyak RM10 bilion.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT) tidak diberikan konsesi tetapi dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan bagi projek pembangunan kuarters dan kemudahan lain untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kontrak tersebut dianugerahkan kepada PBLT susulan penemuan laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan PDRM bahawa kebanyakan premis pejabat dan perumahan PDRM di seluruh negara telah usang dan perlu penambahbaikan segera. Sekiranya pembangunan projek-projek PDRM tersebut dilaksanakan mengikut amalan biasa iaitu melalui pembangunan Jabatan Kerja Raya (JKR), dikhuatiri ia akan memakan masa yang agak lama. Sehubungan itu, Kerajaan telah melantik PBLT iaitu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan bagi menguruskan pembangunan kuarters dan kemudahan lain bagi PDRM secara *fast track* terutamanya bagi bangunan-bangunan pejabat PDRM yang telah usang dan memerlukan bangunan baru. Sehingga kini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengenal pasti 74 buah projek pembangunan PDRM yang perlu dilaksanakan oleh PBLT.

2. Namun begitu, tidak semua pembinaan ibu pejabat PDRM dibangunkan oleh PBLT. Hanya 11.8% atau 18 buah ibu pejabat PDRM dikendalikan oleh PBLT berbanding 152 buah ibu pejabat PDRM yang perlu dibangunkan atau dinaik taraf di bawah Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan PDRM.

3. Bagi membiayai pembangunan projek-projek PDRM, PBLT telah berjaya menerbitkan sukuk sehingga RM10 bilion berdasarkan konsep Islam untuk tempoh

25 tahun dengan *rating* AAA tanpa jaminan Kerajaan atau *Government Guarantee*. Penerbitan sukuk dengan *rating* AAA ini akan menjadikan kos pembiayaan sukuk menjadi lebih rendah dan secara tidak langsung berupaya menjimatkan kos kewangan PBLT bagi membiayai pembangunan projek-projek PDRM.

SULIT

hi

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **DATO' SRI HAJI ZULHASNANBIN** **RAFIQUE**
[
SETIAWANGSA]

TARIKH **21 MAC 2011 (ISNIN)**

SOALAN NO. 21

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengekalkan pencapaian cemerlang Malaysia dalam beberapa bidang sukan seperti ekuestrian, skuasy, badminton serta boling.

JAWAPAN

1. Bagi meneruskan kejayaan atlet negara di temasya sukan antarabangsa, Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan program latihan atlet ke arah Sukan Komanwel Glasgow dan Sukan Asia Incheon pada tahun 2014 yang merangkumi 19 jenis sukan serta Program Road To London 2012 yang menumpukan 7 jenis sukan. Melalui program ini, semua atlet akan menerima latihan secara intensif khas berdasarkan Pelan Periodisasi sepanjang tahun yang dirangka oleh jurulatih dan sasaran pencapaian yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Pada masa yang sama Kementerian meneruskan program-program Pelapis yang merangkumi Pelapis Kebangsaan, Pelapis Serantau dan Pelapis Negeri dalam memastikan negara sentiasa mempunyai atlet terbaik yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
2. Selain memberi perhatian kepada program-program latihan atlet, program pembangunan kejurulatihan turut dilaksanakan bagi mempertingkatkan kepakaran jurulatih-jurulatih tempatan agar lebih mampan dan mampu menyaingi kepakaran jurulatih-jurulatih asing.

SULIT

SULIT |

hi

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)
TARIKH	21.03.2011

SOALAN

Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan jenis-jenis sekolah yang wujud di Malaysia mengikut bilangan dan negeri sambil menyenaraikan bandingan kemudahan asas yang disediakan mengikut Sekolah kebangsaan termasuk berasrama penuh dan separa, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan (asli).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan kategori sekolah kepada tiga, iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan kerajaan bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuh dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pelajaran. Sementara institusi pendidikan bantuan kerajaan pula adalah sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Manakala institusi pendidikan swasta bermaksud sekolah atau institusi pendidikan selain daripada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

SOALAN NO : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : DATO , LILAH BIN YASIN
[JEMPOL]
TARIKH 21 MAC 2011
SOALAN

Dato , Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) apakah strategi Kementerian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di Hospital Jempol; dan
- b) apakah tindakan yang sudah diambil bagi mengatasi kekurangan Pegawai Perubatan dan pegawai-pegawai sokongan di hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Jempol ialah hospital tanpa pakar dengan 108 buah katil pesakit dalam. Kadar penggunaan katil pada tahun 2009 ialah 33.08 peratus. Hospital tersebut menyediakan perkhidmatan rawatan asas kepada masyarakat setempat yang meliputi rawatan pesakit dalam, pesakit luar, kecemasan, perbidanan, hemodialisis, radiologi , makmal patologi dan lain-lain lagi.

Sepertimana di hospital-hospital KKM yang lain, kementerian sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di Hospital Jempol dari semasa ke semasa supaya masyarakat luar bandar memperoleh kemudahan perkhidmatan perubatan yang setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital yang terletak di bandar.

Di antara strategi kementerian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan di Hospital Jempol adalah seperti berikut:

- 1) Memulakan perkhidmatan hemodialisis pada bulan Disember 2010 dengan empat (4) buah mesin hemodialisis. Unit hemodialisis tersebut beroperasi di dalam dua (2) waktu bekerja (shift) dan berupaya menampung 12 buah mesin hemodialisis. Pada masa ini terdapat sepuluh (10) orang pesakit yang menikmati kemudahan ini secara tetap.
- 2) Perkhidmatan lawatan pakar termasuklah untuk rawatan pesakit luar dan rondaan wad, telah ditambah daripada empat (4) disiplin pada tahun 2009 kepada sebelas (11) disiplin pada tahun 2010 seperti disiplin Perubatan Am, Psikiatri, Oftalmologi, Pediatrik, Ortopedik, Pembedahan Am, Obstetrik dan Ginekologi, Perubatan Respiratori, Perubatan Kecemasan dan Trauma yang diperolehi dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah; manakala disiplin Pengimejan Diagnostik, dan Perubatan Forensik diperolehi dari Hospital Tuanku Ja , ~~afa~~ Seremban. Mulai bulan April 2011, perkhidmatan lawatan Pakar Dermatologi akan dimulakan dan disusuli dengan perkhidmatan lawatan Pakar Hidung, Telinga dan Tekak pada bulan Julai 2011.
- 3) Perkhidmatan Dewan Bedah untuk pembedahan Ortopedik telah mula beroperasi sebulan sekali semenjak bulan Julai 2010 dengan bantuan pakar- pakar dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah untuk menjalankan kes-kes pembedahan elektif sahaja. Perkhidmatan Dewan Bedah dijangka akan diadakan seminggu sekali dalam masa terdekat. Bagi memastikan perkhidmatan Dewan Bedah berjalan lancar, pembelian peralatan perubatan seperti *general anaesthesia machine* , *vital signs monitors* dan instrumen pembedahan telahpun diperolehi, dan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan.
- 4) Mulai bulan April 2011 , Unit Kecemasan dan Trauma telah melaksanakan sistem bertugas mengikut giliran jam (waktu bekerja berperingkat /modified working time) untuk Pegawai Perubatan demi memastikan *patient*

management dilakukan dengan betul dan mengikut *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan supaya sebarang kesilapan dikurangkan (minimised).

- 5) Meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu sedia ada seperti Bius, Perubatan Am, Pembedahan Am, Ortopedik dan Perubatan Kecemasan. Program *privileging* pula dijalankan dari semasa ke semasa untuk Pegawai Perubatan supaya meningkatkan kemahiran mereka di dalam prosedur-prosedur perubatan tertentu seperti ultrasound Obsterik & Ginekologi, interpretasi *cardiotocograph*, *intubation* dan sebagainya.
- 6) Latihan dan pementapan pengetahuan yang berterusan diberikan kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, anggota paramedik dan lain-lain anggota melalui aktiviti-aktiviti *Continuous Medical Education* (CME), *Continuous Nursing Education* (CNE), dan kursus-kursus yang berkaitan seperti *Basic Life Support* (BLS), *Malaysian Trauma Life Support* (MTLS), *Neonatal Resuscitation Programme* (NRP), *Advanced Cardiac Life Support* (ACLS), dan *Paediatric Advanced Life Support* (PALS).
- 7) Semua anggota hospital dari pelbagai peringkat telah diberi pendedahan kepada budaya korporat KKM untuk diamalkan sepanjang masa semasa bertugas. Usaha-usaha ke arah mempertingkatkan *soft skills* bagi anggota hospital sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa supaya hubungan interaksi bersama pelanggan dalaman dan luaran semakin mantap dan berkesan.
- 8) Inisiatif Hospital Rakan Bayi (Baby Friendly Hospital Initiatives) juga telahpun dijalankan di mana pada masa ini pihak hospital telahpun menjalani proses penilaian.
- 9) Unit Farmasi hospital juga telah merancang untuk melaksanakan Penilaian Program '5S', iaitu 'Sapu, Sisih, Susun, Sentiasa Amal, dan Seragam' dalam masa terdekat bertujuan meningkatkan efisiensi perkhidmatan.
- 10) Pelaksanaan penilaian akreditasi ke atas perkhidmatan dan jabatan klinikal di Hospital Jempol dijangka akan dijalankan pada bulan September / Oktober 2011. Penilaian akreditasi ini bertujuan supaya perkhidmatan dan fasiliti hospital mematuhi standard yang telah ditetapkan dan

diiktiraf antarabangsa.

- 11) Pihak hospital juga sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti kualiti seperti *incidence reporting* (IR), kawalan infeksi, dan *national indicator approach* (NIA) dalam memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pihak kementerian sentiasa memantau dan melakukan penambahbaikan dalam kualiti penyampaian perkhidmatan perubatan bukan sahaja di Hospital Jempol, malah di semua hospital kementerian supaya ianya mencapai standard yang telah digariskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya terdapat 22 jawatan Pegawai Perubatan di Hospital Jempol dengan pengisian sebanyak 18 jawatan, iaitu kadar pengisian jawatan pada paras 81.8%. Bilangan ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan jumlah 12 orang Pegawai Perubatan pada tahun sebelumnya dengan kadar pengisian jawatan pada paras 47%.

Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan bilangan Pegawai Perubatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat supaya nisbah kepada penduduk dapat dikurangkan. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan dan Pakar warganegara asing secara kontrak
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan dan Pakar KKM yang telah bersara secara kontrak
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional

Selain dari itu, sejajar dengan pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan

perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2008 jumlah tersebut telah meningkat kepada 2319 orang dan seterusnya 3058 orang telah dilantik sebagai Pegawai Perubatan pada tahun 2009 dan 3252 orang dilantik pada tahun 2010.

Dengan penambahan ini maka lebih ramai Pegawai Perubatan akan dapat ditempatkan ke seluruh negara termasuklah Hospital Jempol. Buat masa ini pengisian Pegawai Perubatan di Negeri Sembilan telah meningkat berbanding dengan negeri-negeri lain di mana sehingga 31 Disember 2010 , pengisian jawatan doktor Gred UD41 sehingga Gred UD54 di Negeri Sembilan ialah 61 peratus.

Bagi menyokong keperluan perkhidmatan rawatan kesihatan di Hospital Jempol, peranan pegawai dalam skim perkhidmatan lain seperti Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) juga telah diberi perhatian sewajarnya oleh KKM. Jawatan-jawatan seperti Pegawai Farmasi, Pegawai Sains, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan dan lain-lain jawatan telah diwujudkan. Sehingga 31 Disember 2010 , sebanyak 157 jawatan daripada 172 jawatan atau 91.3 peratus telah dibuat pengisian keseluruhannya.

Selain dari itu 2 buah hospital di negeri Sembilan merupakan hospital latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) iaitu Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah. Sehingga Februari 2011 terdapat seramai 271 PPS di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan seramai 120 orang PPS di Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah. PPS yang telah menamatkan latihan siswazah ini akan ditempatkan di fasiliti KKM di Negeri Sembilan termasuklah di Hospital Jempol.

NO. SOALAN : 24
PEMBERUAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN *AMRAH* BIN AB GHANI [TANAH MERAH]

21 MAC 2011 (ISNIN)

TARIKH

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap penjualan Kem Sungai Besi dan pembangunan pangkalan ganti Sungai Besi:

- (a) tahap perundingan, pelaksanaan projek dan peruntukan; dan
- (b) penjelasan perancangan terperinci projek ini_

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri telah membuat keputusan agar projek pembangunan semula Sungai Besi diamanahkan kepada 1MDB berdasarkan peranannya sebagai syarikat pembangunan strategik yang dipertanggungjawabkan untuk menjana pertumbuhan negara ke arah sebuah ekonomi mampan dan berdaya saing.

2. 1MDB telah diberi mandat sebagai Pemaju Induk bagi projek pembangunan semula Sungai Besi. Ini termasuk memiliki tanah pembangunan tersebut serta menerajui, merancang, melaksana dan menguruskan pembangunan yang dimaksudkan. Ini berdasarkan kedudukan 1MDB sebagai sebuah syarikat milik penuh kerajaan.
3. Pembangunan Sungai Besi adalah sebuah pembangunan hartanah strategik yang melangkaui erti kata lazim dalam pembangunan hartanah. Ia akan membuka kunci nilai strategik aset Kerajaan bagi memperolehi kesan berganda tinggi melalui potensi ekonomi yang ada pada aset ini.
4. Tapak tanah tersebut kini dalam proses pindah milik daripada tuan punya tanah iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada 1MDB. Pada masa ini, projek tersebut masih berada di peringkat perancangan. Butir-butir terperinci mengenai pelaksanaan projek dan peruntukan sedang dalam perbincangan dan masih belum ditetapkan. Maklumat lanjut akan boleh diperolehi selepas pelan induk diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **DATUK TIONG THAI KING**
 [LANANG]
TARIKH **21 MAC 2011**
SOALAN

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan bilangan klinik 1 Malaysia yang telah ditubuhkan sejak pelancarannya mengikut lokasi di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 25

Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan dikawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1 Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan. Sehingga akhir Januari 2011 , sebanyak 79 Klinik 1 Malaysia telah diwujudkan dimana 53 telah beroperasi pada tahun 2010 dan 26 buah telah beroperasi pada tahun 2011. Pecahan 79 Klinik 1 Malaysia mengikut negeri adalah seperti jadual dibawah:

Negeri	Jumlah
Perlis	1
Kedah	5
Pulau Pinang	7
Perak	7
Selangor	8
WP Kuala Lumpur	6
Negeri Sembilan	5
Melaka	4
Johor	9
Pahang	5
Terengganu	4
Kelantan	6
Sarawak	6
Sabah	5
W.P Labuan	1
Jumlah	79

Kos memulakan perkhidmatan kesemua Klinik 1 Malaysia ini adalah sebanyak RM 6.5 juta. Jumlah kos ini adalah termasuk ubahsuai bangunan, pembelian peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan pada tahun 2010 (RM2.5 juta) dan tahun 2011 (RM4.0 juta). Setiap negeri akan mengenalpasti syarikat/kontraktor untuk menjalankan kerja pengubahsuaian diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah. Pemilihan kontraktor berdasarkan tatacara perolehan sediaada iaitu berdasarkan harga, kualiti kerja dan rekod syarikat/kontraktor berkenaan.

Sehingga kini, sebanyak 300 perjawatan telah diwujudkan bagi Klinik 1 Malaysia yang terdiri daripada 100 Penolong Pegawai Perubatan, 100 Jururawat dan 100 Pembantu Perawatan Kesihatan. Semua jawatan telah di isi.

Klinik 1 Malaysia yang dikendalikan oleh kumpulan paramedik dan klinik swasta yang dikendalikan oleh doktor swasta tidak bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pelanggan kerana skop perkhidmatan yang berbeza. Klinik 1 Malaysia hanya menyediakan rawatan untuk penyakit ringan yang boleh disediakan oleh paramedik berbanding perkhidmatan klinik swasta yang dapat memberi rawatan penyakit yang lebih kompleks yang memerlukan kepakaran seorang doktor perubatan yang bertauliah.

Sehingga 20 Februari 2011 , sebanyak 1,632,210 kedatangan pesakit telah dilaporkan dari kesemua Klinik 1 Malaysia diseluruh negara. Jumlah ini termasuk 283,042

kedatangan di 25 Klinik 1 Malaysia yang beroperasi pada bulan Januari 2011. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ianya menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ianya adalah relevan untuk dipertingkatkan

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH : 21MAC 2011

SOALAN

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kenapa perparitan bersebelahan jalan-jalan bertar yang di bawah JPS tidak diserahkan penyelenggaraannya kepada JKR atau PBT (contoh Jalan Bukit Kemuning di kawasan Kota Raja) untuk memastikan penyelarasan pengurusan masalah perparitan dan jalan yang menimbulkan ketidakkeselesaan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, parit-parit besebelahan jalan adalah lazimnya dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan mengalirkan air permukaan jalan. Ianya diselenggara oleh JKR atau PBT.

Sungai-sungai samada sungai asal atau sungai yang telah diperkukuhkan dengan konkrit diselenggara oleh Jabatan Pengiran dan Saliran (JPS).

Bagi Jalan Bukit Kemuning di kawasan Kota Raja, sungai-sungai yang diselenggara oleh JPS ialah Sg.Rasau, Sg. Kandis dan Sg. Johan Setia.

Sekian, terima kasih.

No: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISAN DATO'
ISMAIL BIN KASIM
[ARAU]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

NO. 27

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada kerajaan ada perancangan untuk mewujudkan satu saluran grid air nasional seperti yang telah dilaksanakan bagi bekalan elektrik dan apakah ianya dapat direalisasikan memandangkan hak kepada air adalah hak mutlak setiap kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan satu grid air nasional sebagaimana yang dilaksanakan bagi bekalan elektrik. Berbeza dengan bekalan elektrik, penyaluran bekalan air melalui sistem grid di negara ini menghadapi pelbagai kekangan. Antaranya ialah:

- i) Penyaluran bekalan air melalui sistem grid memerlukan perancangan di peringkat nasional sedangkan pengurusan sumber air di negara ini masih terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, pembinaan grid

air nasional memerlukan persetujuan daripada semua kerajaan negeri sebelum ia dapat dilaksanakan;

- ii) Penyaluran bekalan air lebih ekonomik untuk dibuat secara "*localised*" dengan izin, dengan mengambil kira sumber-sumber air yang terdapat di sesuatu kawasan atau negeri. Ini kerana penyaluran air kepada pengguna dalam jarak yang jauh memerlukan pam-pam yang berkeupayaan tinggi bagi memastikan tekanan yang mencukupi untuk membekalkan air kepada para pengguna. Penggunaan pam-pam yang berkuasa tinggi ini akan meningkatkan kos operasi kepada operator air; dan
- iii) Penyaluran bekalan air melalui jarak yang jauh akan memberi kesan terhadap kandungan klorin dalam air terawat dan seterusnya menjejaskan kualiti air yang dibekalkan kepada para pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

Kedudukan sumber-sumber air di kebanyakan negeri yang masih mencukupi menyebabkan pembinaan grid air nasional tidak diperlukan buat masa ini. Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri yang menghadapi masalah sumber air, penyaluran bekalan air di antara negeri-negeri boleh dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri masing-masing. Contohnya, penyaluran bekalan air terawat dari Beaufort, Sabah ke Labuan dan penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor dilaksanakan bagi membantu negeri-negeri yang mempunyai masalah sumber air supaya dapat memenuhi permintaan air pada masa akan datang.

SOALAN NO. : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATO¹ SERI MOHAMMAD
NIZAR BIN JAMALUDDIN

KAWASAN BUKIT GANTANG

TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)
SOALAN:

Y.B. DATO¹ SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

(BUKIT GANTANG) minta MENTERI KERJA RAYA

menyatakan kenapa siling hospital Sungai Buloh runtuh, siapa

kontraktor dan perunding yang bertanggungjawab dan apakah tindakan ke atas mereka serta kos pemulihan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua ;

Kementerian Kerja Raya sehingga kini tidak menerima sebarang laporan mengenai kejadian siling runtuh di Hospital Sg. Buloh, Selangor sebagaimana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Walau bagaimanapun, insiden keruntuhan siling telah dilaporkan berlaku di Hospital Serdang, Selangor iaitu pada 30 Januari 2011 yang lalu, melibatkan sebahagian dari siling bumbung di lafuan di pintu masuk utama hospital berkenaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, projek Hospital Serdang, Selangor dilaksanakan secara kontrak *turnkey* oleh Konsortium Ranhill Sdn. Bhd. manakala perunding reka bentuk ditawarkan kepada Gabungan Arkitek Sdn. Bhd. (*in association Percy Thomas Pacific (M) Sdn Bhd*). Projek bernilai RM690 juta ini telah disiapkan dan seterusnya diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada bulan Mei 2005. Tempoh Memperbaiki Kecacatan (*Defect Liability Period - DLP*) projek berkenaan berakhir pada 14 Januari 2007. Walau bagaimanapun, tempoh Bon jaminan Bank untuk *design warranty* masih lagi belum berakhir, ialah sehingga 15 Julai 2011.

Selepas Tempoh Memperbaiki Kecacatan berakhir, kerja-kerja

penyelenggaraan fasiliti bangunan Hospital Serdang ini telah dilaksanakan oleh pihak yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jabatan Kerja Raya (JKR) telah menubuhkan jawatankuasa Khas Teknikal pada 3 Februari 2011 bagi tujuan untuk menyiasat dan mengenal pasti punca keruntuhan sebahagian dari siling bumbung di pintu utama Hospital Serdang. Sehubungan itu, punca sebenar keruntuhan ini, termasuk kos yang terlibat hanya akan dapat ditentukan setelah jawatankuasa Khas Teknikal JKR selesai menjalankan siasatan dalam tempoh masa terdekat ini. Laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

PEiySBERaiAHUAN PERTANYAAN DEWAM RAKYAT

DARIPADA PERTANYAAN : JAWAB LISAN
TARIKH DATO , SERI ONG KA CHUAN 21 SVIAC 2011 (ISNIN)
SOALAN N0.29

Dato⁸ Seri Ong Ka Chuan [Tanjong _im] minta SVIENTERI PENGAJIAN
TINGGI menyatakan >

- (a) apakah inisiatif yang telah diambil untuk meningkatkan kedudukan ranking universiti tempatan berbanding dengan universiti terbaik di rantau ini; dan
- (b) usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk menanda aras universiti tempatan dengan universiti terbaik di rantau ini supaya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi

—..

dapat dicapai.

JAWAPAN Tuan Yang di-

Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang dilancarkan pada 27 Ogos 2007 telah menggariskan 7 teras supaya institusi pendidikan tinggi negara menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.

Teras Keempat “memperkasakan institusi pengajian tinggi” meletakkan sasaran utama untuk mencapai kecemerlangan IPT mengikut 3 fasa pelaksanaan. Fasa 1 (2007-2010) mensasarkan 3 universiti antara 200 terbaik dan satu daripadanya antara 100 terbaik di dunia. Seterusnya Fasa 2 (2011-2015) dan Fasa 3 (2016-2020) adalah untuk meningkatkan penarafan universiti dengan sasaran utama, satu daripada IPT berada di kedudukan *50* terbaik dunia.

Bagi mencapai hasrat ini, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian adalah:-

- i) memastikan RU mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen;
- ii) memastikan pihak IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan pensyarah dalam jurnal berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat;
- iii) meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa;
- iv) meningkatkan strategi pemasaran yang lebih bersasarkan peningkatan “branding” dan “word-of-mouth”. Konsep pemasaran melalui pavillion dan expoexpo pendidikan tinggi antarabangsa yang ternama perlu diperluaskan kepada negara-negara berpotensi tinggi (pelajar tajaan);
- v) kualiti penerbitan jurnal oleh IPT tempatan dipertingkatkan supaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, sebuah jurnal terbitan USM iaitu *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society* telah berjaya diindekskan dan diabstrakkan ke dalam pangkalan data Thomson ISI Web of

Science;

- vi) menubuhkan Pusat Sitasi Negara dalam RMKe-10 yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara;
- vii) memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA;
- viii) memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti;
- ix) membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti;
- x) melaksanakan Academic Performance Audit (APA) dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran;
- xi) melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF);
- xii) mempertingkatkan bilangan pensyarah berkeelayakan PhD dan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktorai; dan
- xiii) mempertingkatkan promosi di peringkat antarabangsa melalui kemampuan dan prestasi yang cemerlang oleh para pensyarah dan pelajarnya dalam aspek berikut-
 - penglibatan aktif dalam persidangan dan pertubuhan akademik antarabangsa;
 - pelaksanaan sabbatical dan penempatan /attachment di universiti terkemuka dunia;
 - penghantaran pelajar ke universiti terkemuka di bawah skim pertukaran pelajar dan internship; dan
 - laman web yang menarik dengan pengisian yang terkini.

Usaha-usaha yang telah diambil adalah untuk memperkukuhkan asas atau fundamental

seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing supaya dapat bersaing di peringkat global dan melonjakkan kedudukan IPT tempatan di peringkat antarabangsa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y-B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)
TARIKH	21.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah buku Interlok boleh diluluskan sebagai buku teks sekolah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengeluarkan perkataan menghina seperti 'pariah' di dalamnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

NO. AUM : 51

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG | JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOKANTU]

TARIKH 21 MAC 2011

RUJUKAN 3392

SOALAN:

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat mana tindakan Kerajaan untuk menyiapkan pembinaan pejabat CIO di Sempadan Malaysia/Kalimantan Barat Indonesia dalam Daerah Lubok Antu yang telah gagal disiapkan hampir 3 tahun yang lalu.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan William @ Nyallau Anak Badak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang mulia, Projek Pembinaan Pos dan Kuarters CIQ Lubok Antu telah bermula pada 6 Ogos 2008 dan seharusnya disiapkan pada 3 Ogos 2010. Memandangkan kelewatan kemajuan projek dan kontraktor dilihat gagal menyiapkan pembinaan ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah menamatkan kontrak kerja kontraktor pada 30 Mac 2010.

Tuan Yang Dipertua

Bagi memastikan projek ini dapat diteruskan, JKR Sarawak telah melaksanakan proses tender semula dan kontraktor baru telah memasuki tapak pada 21 Oktober 2010 yang lalu. Projek ini akan mengambil masa 16 bulan dan dijangka siap pada 20 Februari 2012.

```
qU>Jaq — 8 egp#lHD>uqpaJthuijfsj uaehtk>fC#B0 ^ egsa B#Bn qae#p>DJUBgrAuefwauntepin^suo X uaeBDC  
u>idB#gsa#iqd#e# Sae#ZV/3SV cep ) e#C#PJk#B#D#ags
```

```
u#ae&#s#e#D#coll#t#e0#l#COQ#e#>#a#B#f#d#k#e#^#B#H
```

```
qe>JB>Infe>llp 6ueA  
wrtDI — i#D)cc> — uconJL  
"NvchWvr
```

03>arfbBUDd
qoileJEU u>hIs<Da nep OEUBPcJl/M sIJ>f ceJicos@jaA-caf
EBep2 SAfES Srecef'd cl'i iH03N_sis:iluu iJedEnH1u 齧 qp an fop tBB>!
sIQ

OS .OZW

N<l<OS

fl-SOVOSr---ceZIsi

Evdil]

Hivi

Divddvp Ns 25D^<SSolva

vavdsva zw>—

NwrcQjMMVfrcbStJUMfwoNictL

z<lajUJtL

<4831VWDASUS

KAMVY-NVMS zwwiDQ<M<<NwWANKlyhutzVANKl---aUcl

#r7Ydeleow dz

Peranan tersebut dimainkan melalui pembabitan Malaysia sejak tahun 2004 sebagai ketua Pasukan Pemantau Antarabangsa di Mindanao yang kini memantau gencatan senjata di antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF). Selain itu, Malaysia turut memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi rundingan damai di antara Kerajaan Filipina dengan MILF.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa komited untuk membantu Kerajaan Filipina mendapatkan penyelesaian secara aman bagi masalah di selatan Filipina selaras dengan pendekatan aman untuk menyelesaikan apa juga masalah antara jiran tetangga yang sememangnya menjadi pegangan dan amalan negara anggota ASEAN.

Baru-baru ini pada 9 hingga 10 Februari 2011 di Kuala Lumpur, telah berlangsungnya rundingan damai di antara Panel Damai Kerajaan Filipina dan Panel Damai MILF. Rundingan ini adalah rundingan damai yang pertama diadakan sejak Presiden Benigno Aquino III mengambil alih jawatan sebagai Presiden baru Republik Filipina pada

1 Julai 2010. Di dalam rundingan tersebut antara lain kedua-dua pihak telah menyatakan pendirian dan komitmen masing-masing untuk berusaha memuktamadkan rundingan dan memeterai perjanjian damai dalam masa satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pembabit Malaysia sebagai ketua Pasukan Pemantau ARta.cabaRgsa di MiRdano dan sebagai pemudahcara rundiRgaR damai amat dihargai oleh Kerajaan 'Filipina dan MILF serta masyarakat tempatan di Mindanao dan masyarakat antarabangsa. Pada masa ini, konflik bersenjata antara Kerajaan Filipina dan MILF di Mindanao telah berjaya dibendung secara drastik, dan ini telah menghasilkan suasana yang kondusif bagi proses rundingan damai antara kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, NO. SOALAN : 33
MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(TENGGARA)

TARIKH

21.03.2011 (ISNIN)

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan langkah kerajaan bagi meningkatkan daya saing operasi peniaga runcit melalui program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan nyatakan kriteria peruncit untuk layak dan boleh mendapatkan pembiayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif melalui:

- membangunkan kedai-kedai runcit tempatan jenis (*mom and pop*);
- meningkatkan tahap kompetitif peruncit dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan melalui;
 - tingkatkan keupayaan perkhidmatan pelanggan;
 - selarikan kualiti proses perniagaan secara menyeluruh;

- promosikan rangkaian penawaran yang berkos efektif dan efisien;
- galakkan jualan produk berkualiti melalui pelbagai langkah; dan
- menyediakan peruncit untuk pelaksanaan *Government Service Tax* (GST).

Pemilik-pemilik kedai runcit yang memenuhi kriteria-kriteria berikut boleh memohon untuk menyertai projek TUKAR iaitu:

- Perniagaan 100% milik tempatan (milik tunggal / perkongsian / Sdn Bhd);
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sah untuk mengusahakan kedai runcit;
- Pemilik kedai runcit berumur 23 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun;
- Beroperasi di premis tetap (lot kedai) dan berasingan daripada rumah kediaman;
- Kedai runcit telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun; dan
- Keluasan kedai runcit tidak melebihi dua pintu kedai atau 2500 kaki persegi.

Pada tahun 2011, pihak Mydin, Carrefour dan Tesco akan berperanan sebagai konsultan bagi pelaksanaan projek TUKAR. Ketiga-tiga pengendali pasaraya besar ini akan membantu peruncit-peruncit tradisional melalui khidmat nasihat pemodenan, penyediaan *planogram*, latihan peruncitan dan sebagainya. Usaha **ini merupakan inisiatif syarikat-syarikat terbabit sebagai corporate social responsibility** untuk membangunkan sektor pemborongan dan peruncitan tempatan.

Manakala, Kerajaan melalui Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) akan menyediakan pinjaman mudah kepada pemilik-pemilik kedai runcit yang menyertai projek ini.

Pada tahun ini, Kerajaan mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit tradisional akan dimodenkan.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]

21 Mac 2011

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan maklumat mengenai jumlah ganti rugi kepada sektor pertanian bukan padi khususnya penternakan dan perikanan air tawar akibat banjir besar di Kedah pada November 2010 yang lalu, sekiranya ada apakah prosedur yang perlu bagi penternak dan pemilik kolam ikan untuk memohon ganti rugi ini.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kerugian sektor pertanian bukan padi akibat banjir pada November 2010 di Kedah termasuk kawasan MADA adalah sebanyak RM3.5 juta iaitu:

Sektor	Jumlah Kerugian
Tanaman (sayur dan buah)	RM 295,140
Ternakan	RM951 , 684
Akuakultur	RM2,008,846
Jentera/peralatan/ IAT	RM258 , 522
Jumlah	RM3,514,192

ueqBSo6u8d >|niun Uo68U |p bjb68n ubjbujbissgx s!|[ei/\| 8>) ue>|6uefued!p
ub>)b !u! UBuoqoiiiJSd -i|BJ8Bp ie>|Bu!J9d jp 6u!seuj - 6u!sbuj ubiub^iqcl「op|9S
UB ; !B>|J8q UB}Bqe! !n|B|oiJU jenqjp n|jod !u! ubsl|8 6ubm uen^ueq UBuoL|oLUJ8d

■bjb68n ue :BiuB|oS8>i s!|_ i|9|o ue>|de脚p 4B|9} 6ubA uen^ueq jepeq 兩6u9iu
i|B|epB jeAeqjp 6ubA jeueqes |6m | ; ub6 qe|iunf 'undeueui!e6eqne|e/w

■UB6uBquJ!^i8d uep

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2011

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERIKEWANGAN menyatakan:-

- (a) jumlah kutipan cukai daripada syarikat-syarikat loteri dalam 5 tahun yang lalu; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat mengehendkan jumlah loteri daripada syarikat loteri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai yang telah diterima oleh Kerajaan daripada semua operator nombor ramalan (NF○) dari tahun 2006 sehingga 2010 adalah sebanyak RM5,935,305,278.01. Pecahan jumlah kutipan cukai yang telah diterima mengikut operator nombor ramalan adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	Jumlah Kutipan Cukai Dari Tahun 2006-2010
(a)	Sports Toto	RM2,251,392,655.19
(b)	Magnum Corporation	RM2,064,286,951.19
(6)	Pan Malaysian Pools	RM1,264,279,225.61
(d)	Diriwan Corporation	RM89,334,339.92
(e)	Sarawak Turf Club and Equestrian Club	RM146,395,016.46
(f)	Sandakan Turf Club	RM89,965,071.09
	Jumlah	RM5,935,305,278-01

2. Setakat ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menghadkan jualan tiket loteri daripada operator nombor ramalan yang berlesen sama ada dari sudut jumlah unit atau bilangan tiket loteri yang boleh di jual dalam sehari mahupun jumlah hari yang dibenarkan untuk menjual tiket loteri. Walau bagaimanapun, Kerajaan meletakkan had-had tertentu berhubung jualan loteri seperti berikut:

- (a) operator nombor ramalan yang berlesen dibenarkan untuk mengadakan cabutan tiga (3) kali seminggu iaitu pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad. Cabutan-cabutan yang diadakan selain daripada hari yang dibenarkan perlu mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan;
- (b) waktu perniagaan premis jualan tiket nombor ramalan yang berlesen terhad dari jam 8 pagi sehingga 7 malam, dan orang-orang beragama Islam dan mereka yang berumur di bawah 21 tahun

adalah tidak dibenarkan memasuki premis jualan tiket nombor ramalan yang berlesen.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ AB KADIR (KETEREH)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 21.03.2011

Tuan Haji Ab Aziz Ab Kadir (KETEREH] minta MENTERI
KEWANGAN

menyatakan purata harga rumah dan kadar kekosongan unit kediaman tidak didiami di setiap bandar ibu negeri sepanjang 5 tahun. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan dasar perumahan awam yang mampu dimiliki dapat dilaksanakan dengan jayanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa langkah pelaksanaan yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menilai:

- (i) Purata harga rumah dibandar utama sepanjang 5 tahun; dan
- (ii) Kadar kekosongan unit kediaman.

Bagi Purata Harga Rumah Di Bandar Utama sepanjang 5 tahun, NAPIC menggunakan data Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) iaitu harga rumah purata mengikut jenis:

- Teres
- Bertingkat
- Berkembar

- Sesebuah

Manakala harga rumah purata bagi Semua Rumah (All House Price) adalah diperolehi melalui analisa statistik ke atas model harga rumah Malaysia yang diguna-pakai dalam IHRM. Model tersebut dijanakan melalui kajian industri rumah ke atas komposisi jenis rumah, jenis bangunan dan ciri-ciri bangunan.

Harga rumah yang digunakan merupakan harga rumah yang dinyatakan dalam dokumen transaksi di antara pembeli dan penjual.

Berdasarkan data NAPIC, pada tahun 2010, harga rumah purata bagi Semua Rumah (All House Price) bagi bandar-bandar utama adalah di antara RM117,700 (Perak) hingga RM421,800 (WP Kuala Lumpur). Sejak dari 2006, harga naik dari RM100,800 (Perak) dan RM326,200 (WP Kuala Lumpur).

Jika di analisa mengikut jenis rumah dalam tempoh 5 tahun, kenaikan yang ketara 40.8% adalah rumah teres di Pulau Pinang iaitu dari RM395,700 (2006) ke RM557,100 (2010). Manakala, rumah sesebuah di WP Kuala Lumpur dan Selangor (Petaling) merekodkan kenaikan masing-masing 30.2% dan 32.1%. Bagi WP Kuala Lumpur, harga purata yang direkodkan adalah RM1.735million (2006) ke RM2.258 million (2010). Selangor pula rekod RM356,900 (2006) ke RM471,300 (2010). Bagaimanapun kenaikan tersebut adalah secara perlahan jika dibandingkan dari tahun ke tahun. Contohnya kenaikan rumah teres di Pulau Pinang adalah 5.38% (2006), 11.5% (2007), 2.4% (2008), 16.5% (2009) dan 5.9% (2010).

Jika di analisa mengikut kawasan dalam tempoh 5 tahun, WP Kuala Lumpur merekodkan kenaikan di antara 9.4% (rumah teres di kawasan KL utara) dan 30.2% (rumah sesebuah). Manakala Selangor merekodkan di antara 7.3% (rumah bertingkat) dan 32.1% (rumah sesebuah). Johor merekodkan kenaikan 11.3% bagi rumah berkembar tetapi kengucupan (-7.3%) bagi rumah sesebuah. Pulau Pinang merekodkan kenaikan yang ketara bagi rumah teres (40.8% tetapi pengucupan (-1.5%) bagi rumah

sesebuah.

Jika dianalisis dari tahun ke tahun dalam tempoh 2006 – 2010, tahun 2010 mengalami kenaikan harga rumah bagi bandar-bandar utama melainkan rumah sesebuah di Pulau Pinang (-3.0%). Kenaikan rumah adalah di antara 0.5% (rumah sesebuah di Johor) hingga 16.8% (rumah teres di Selangor-Petaling).

Berhubung dengan kadar kekosongan unit kediaman tidak didiami pula, kekosongan unit kediaman atau mana-mana bangunan adalah mustahil untuk dikesan memandangkan tidak ada pelaporan yang dimestikan ke atas pemilik bangunan kepada mana-mana pihak berkuasa. Di samping itu, kadar pengisian atau kadar kekosongan adalah sangat cepat berubah.

Merujuk **kepada** soalan mengenai langkah kerajaan dalam memastikan dasar perumahan awam yang mampu dimiliki, perkara ini wajar dirujuk kepada Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab merangka dengan perumahan awam negara.

NO. AUM : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

LISAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

PERTANYAAN 21 MAC 2011

DARIPADA 3390

TARIKH SOALAN:

RUJUKAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian sedar ada dakwaan orang ramai melalui blog bahawa anggota polis terlibat dalam sindiket membawa masuk atau melindungi pendatang asing ke negeri Sabah, dan kalau sedar, adakah Kementerian telah menjalankan siasatan dan apakah hasilnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, hasil daripada siasatan, tidak ada anggota polis yang terlibat dengan kes membawa masuk atau melindungi pendatang asing ke negeri Sabah sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Malah pihak polis sendiri dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu yang terlibat dalam kegiatan ini.

NO. AUP :)X

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PADANG BESAR]

NO. AUM : 15

TARIKH 21 MAC 2011

RUJUKAN 3536

SOALAN:

Dato¹ Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat manakah berkesannya usaha Kerajaan untuk membanteras penyeludupan minyak petrol dan diesel, ke negara-negara jiran yang berlaku secara berleluasa di kawasan-kawasan sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kerajaan memandang serius isu penyeludupan minyak petrol dan diesel yang berlaku di kawasan sempadan negara. Dalam hubungan ini, agensi penguatkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Kastam Diraja

Malaysia (JKDM) sentiasa melaksanakan operasi berterusan dan bersepadu dari semasa ke semasa bagi membanteras aktiviti penyeludupan berkenaan. Usaha ini dilihat mampu mengekang kegiatan penyeludupan minyak dan petrol dari terus berleluasa.

Dalam hal ini juga, kerjasama dan komitmen dari semua pihak yang terlibat termasuk para pengusaha stesen minyak dan orang ramai amat diperlukan bagi memerangi aktiviti haram ini.

NO. SOALAN : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATO¹ SERI ABDUL HADI BIN

TARIKH

AWANG [MARANG]

21.03.2011 (ISNIN)

DATO¹ SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengambil persiapan yang sewajarnya melalui Akta, Peraturan dan Insentif yang relevan bagi menjamin penawaran barangan keperluan harian seperti bawang dan ikan yang amat tidak stabil pada ketika ini supaya kesejahteraan rakyat tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, tidak semua barang dapat dikawal sepenuhnya dari segi harga dan juga bekalannya. Ini berikutan situasi semasa dimana pengeluaran domestik tidak mencukupi dan memerlukan negara mengimport bekalan dan terdapat sesetengah barangan tidak dihasilkan dalam negara dan bergantung sepenuhnya kepada bekalan import.

Bagi menjamin penawaran barangan keperluan harian, Kerajaan telah mengambil tindakan jangka pendek antaranya:

- i. Meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan oleh pihak industri;
- ii. Meliberalkan beberapa permit import (AP) untuk membawa masuk lebih banyak barangan di pasaran dan menggalakkan persaingan sihat;
- iii. Meningkatkan bekalan import secara berperingkat yang telah dijalankan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);

Selain itu, dari segi perundangan, Kerajaan telahpun memperkenalkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 dan akan memperkemaskan Akta Kawalan Bekalan 1961 sedia ada bagi mengekang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dari mengambil kesempatan memanipulasi bekalan dan harga barangan.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi insentif, Kerajaan telah memberikan pelbagai insentif melalui pelbagai Kementerian dan agensi bagi meningkatkan pengeluaran seterusnya menjamin penawaran bekalan. Antara insentif yang telah diberikan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah:

1. Insentif pengeluaran kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur;
2. Insentif industri padi dan beras; dan
3. Insentif Untuk Sektor Pertanian antaranya seperti insentif untuk projek pengeluaran makanan baru, insentif untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan insentif untuk syarikat yang membekalkan kemudahan rangkaian dingin dan khidmat produk makanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO.: 40

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK ABDUL RAHMAN BIN
BAKRI (SABAK BERNAM)

TARIKH : 21 *MAC* 2011 (ISNIN)

SOALAN :

YB Datuk Abdul Rahman bin Bakri (Sabak Bernam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kesan langkah Kerajaan mengurangkan perbelanjaan kebajikan golongan yang memerlukan dan sebaliknya menumpukan kepada pendekatan kebajikan produktif untuk mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan konsep Kebajikan Produktif dengan tujuan untuk membangunkan penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari.

Antara kesan daripada langkah Kerajaan mengurangkan perbantuan kebajikan golongan memerlukan menerusi konsep Produktif Kebajikan termasuklah:

- i. Menyumbang kepada peningkatan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah;
- ii. Transformasi minda di kalangan penerima bantuan iaitu mereka mampu menjana sumber pendapatan yang stabil dan mencapai kehidupan yang sejahtera dan berkualiti;
- iii. Menggalakkan kehidupan berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan semata-mata; dan

Mengukur an kos tahcra n Kerajaan ncragi-Derbelanj s^ n bantcffi > n
kebijakan melalui exit PO//CX dengan 2.5% klien dikduarkan dari
sancsrai nanerima hantuan satian tahu?

SOALAN NO.: 41

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO , ABDUL MANAN B. ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH : 21 MAC 2011

SOALAN

Dato¹ Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI SUMBER AS LI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah terdapat suatu kajian ataupun cadangan serta projek yang dijalankan bagi membaik pulih sistem saluran dan tebatan banjir di negara ini dalam mengatasi masalah banjir yang melanda di beberapa buah negeri di Malaysia seperti Johor, Melaka, Kedah dan Perlis baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengatasi masalah banjir adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir;
- ii. Menyediakan pelan induk saliran dan tebatan banjir bagi kawasan terlibat;
- iii. Menyediakan rekabentuk terperinci; dan
- iv. Melaksanakan langkah-langkah struktur seperti menaiktaraf sistem saliran, membina benteng banjir, menggantikan struktur- struktur yang menghalang laluan air, membina rumah pam, serta membina kolam-kolam takungan.

Sistem perparitan yang terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, pihak JPS telah membantu dalam penyediaan pelan-pelan induk saliran bagi bandar- bandar utama dengan berpandukan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam membina pengangkutan awam, sama ada beliau telah memikirkan apakah yang menjadi wawasan beliau sama ada untuk menjual lebih banyak kereta nasional atau membina Mass Rapid Transport (MRT) serta LRT, Monorail, Bas, Teksi dan Komuter sistem yang benar-benar punya rangkaian dan *Interconnectivity*¹ yang baik dan berkesan.

MENTERI D | JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Matlamat pembinaan pengangkutan awam yang bersepadu lagi mampan adalah bagi memastikan tahap mobiliti yang tinggi setara dengan ibukota-ibukota negara maju dunia. Dengan adanya sistem pengangkutan awam yang efisien, Lembah Kelang akan terus menjadi magnet pelaburan asing dan seterusnya, memakmurkan ekonomi negara.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Dari sudut penjualan kereta nasional pula, agenda ini tidak hanya terbatas kepada penjualan di dalam negeri sahaja, malah, dari segi eksport ke luar negara juga. Kejayaan penjualan eksport lebih banyak kereta nasional akan menambah hasil pendapatan negara disamping menjana peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik. Oleh itu, kedua- dua wawasan ini boleh berjalan secara serentak kerana ianya memberikan manfaat yang baik untuk rakyat dan tanpa menjejaskan mana-mana industri.

Industri automotif nasional adalah sektor yang penting untuk ekonomi negara dan juga sebagai asas bagi industri-industri berkaitan. Apa yang penting proses mengrasionalisasi dasar-dasar kenderaan persendirian dari segi pemilikan dan penggunaan. Walaupun orang ramai digalakkan membeli kenderaan, penggunaan kenderaan persendirian pada waktu puncak harus dikurangkan dan ini harus dilaksanakan selari dengan pembangunan sistem pengangkutan awam yang efisien dan berintegrasi.
Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 43

PERTANYAAN **PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**
DARIPADA **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** **JAWAB LISAN**
TARIKH **TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN 21 MAC 2011 (ISNIN)**
SOALAN **DATO' HAJI**

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah masalah dalam pelaksanaan projek naik taraf pengairan
pertanian Sg. Manik yang tidak siap mengikut jadual perancangannya

JAWAPAN OLEH **Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**
TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan projek-projek menaiktaraf sistem pengairan di Sg. Manik telah
dibahagikan kepada 7 pakej dan pakej yang pertama dimulakan dalam tahun 2007.
Sehingga akhir tahun 2010 , sebanyak 5 pakej telah berjaya dilaksanakan.

Peruntukan tambahan akan dipohon dibawah "rolling plan ke 2" RMK 10 bagi tujuan
perlaksanaan pakej-pakej yang seterusnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **DR. LEE BOON
CHYE (GOPENG)**

PERTANYAAN **LISAN**

21.03,2011

TARIKH

**Dr. Lee Boon Chye (GOPENG) minta MENTERI
KEWANGAN**

menyatakan pendirian dan rancangan berkenaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan bilakah masa untuk pelaksanaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 13 Oktober 2010 telah mengumumkan untuk menangguhkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Penangguhan ini adalah untuk memastikan semua kepentingan dan kebajikan masyarakat telah diambil kira agar pelaksanaan GST kelak diterima baik oleh semua. Pelaksanaan GST tidak akan dibuat secara tergesa-gesa kerana tempoh masa yang secukupnya akan disediakan kepada semua pihak.

Untuk makluman yang berhormat, buat masa ini, Kerajaan masih terus mengadakan rundingan secara inklusif dengan rakyat melalui penganjuran program – program kesedaran dan publisiti serta pendidikan mengenai GST. Selain daripada itu, Kerajaan juga masih meneruskan kerja-kerja penambahbaikan terhadap model GST, penggubalan undang-undang, pembangunan sistem perkomputeran, penyediaan garis panduan, proses dan prosidur, serta penyediaan modul latihan GST sebagai memantapkan pelaksanaan GST. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan GST kelak berjalan lancar dan diterima oleh semua lapisan masyarakat.

No.Soalan : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

PERTANYAAN

21 MAC 2011

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan atas dasar apakah terdapat kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41) bertaraf kontrak diserapkan dalam masa setahun dalam sesebuah Kementerian sedangkan mereka ini belum pun menduduki latihan Diploma Pentadbiran Awam di INTAN.

JAWAPAN : YB, DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI D | JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua ,

Kerajaan pada November 2010 telah memutuskan bahawa semua Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) berstatus kontrak yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dilantik ke jawatan tetap dengan syarat memenuhi syarat-syarat pelantikan PTD seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002: Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan. Keputusan tersebut adalah selaras dengan Skim Perkhidmatan PTD yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 tersebut.

Walau bagaimanapun, mereka yang dilantik ke jawatan tetap ini perlu menjalani pelbagai program latihan dan penilaian serta lulus dengan jayanya serta masih perlu mengikuti Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) di INTAN sebelum boleh disahkan di dalam perkhidmatan. Keputusan lulus kursus DPA merupakan salah satu syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan seperti ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan ia bukan syarat untuk lantikan ke jawatan tetap PTD.

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
[PADANG TERAP]

TARIKH

21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapa purata kos penapisan di semua kilang penapisan milik PETRONAS, SHELL dan ESSO di Malaysia; dan
- (b) PETRONAS sedang membina sebuah terminal minyak mentah berkapasiti 260 ribu tong sehari di Kimanis Sabah. Soalnya, kenapa hanya membina terminal eksport minyak mentah, bukan sebuah loji penapisan?

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, kos yang terlibat di dalam penapisan minyak mentah untuk menghasilkan produk petroleum di loji-loji penapisan PETRONAS dan syarikat minyak yang lain di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Kos minyak mentah di mana kos ini ditentukan oleh jenis minyak mentah yang dibeli dan berdasarkan harga minyak mentah tersebut di pasaran minyak dunia. Kos ini juga termasuk kos untuk membawa minyak mentah itu ke loji-loji seperti kos pengangkutan dan insuran.
- (ii) Kos operasi untuk menapis minyak mentah yang terdiri daripada kos bolehubah (*variable costs*) seperti kos bahan bakar, bahan kimia dan utiliti, serta kos tetap (*fixed costs*) seperti tenaga kerja, insuran, susut nilai dan kos pembiayaan.

Kedua-dua kos tersebut dipengaruhi oleh faktor pasaran semasa dan keadaan

ekonomi dunia dan negara. Kos minyak mentah dan operasi yang digunakan juga bergantung kepada jenis konfigurasi loji penapisan yang berbeza. Konfigurasi loji minyak yang lebih kompleks akan menyebabkan kos operasi yang lebih tinggi. Oleh itu, berdasarkan purata kos minyak mentah Tapis dan kos operasi **bagi bulan Februari 2011** , purata kos penapisan di loji_loji

PETRONAS dan syarikat minyak lain di Malaysia secara amnya adalah di antara USD 105 setong ke USD 110 setong.

Kos pembinaan sebuah loji penapisan adalah sangat tinggi dianggarkan melebihi RM 15 bilion bergantung kepada konfigurasi loji penapisan tersebut. Oleh yang demikian, pembinaan sebuah loji penapisan baru hanya dapat dipertimbangkan jika faktor ekonomi dan pasaran menyokong pembinaan sesebuah loji penapisan di sesuatu lokasi. Di samping itu, keadaan geopolitik semasa di Afrika Utara dan bencana alam yang berlaku turut menyebabkan permintaan yang tidak menentu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD UN BIN

SOALAN NO.: 47

MOHAMED

KAWASAN

SEPANG

TARIKH

21 MAC 2011

(ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kesan kenaikan harga bahan bekalan pembinaan kepada kos dan tahap pelaksanaan projek-projek prasarana Kerajaan di dalam RMK- 10 dan sama ada projek-projek ini akan diteruskan atau di kaji semula bagi memastikan pelaksanaannya tidak akan membebankan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua ;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai isu kenaikan harga bahan- bahan binaan dan kesannya terhadap industri pembinaan negara. Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Agensi-Agensi Pusat yang lain telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan projek-projek RMKe-9 dan RMKe-10 yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan mampu disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2008 yang lalu telah mewujudkan mekanisme Pengiraan Perubahan Harga atau *Variation of Price (VOP)* sebagai salah satu klausa baru di dalam kontrak- kontrak Kerajaan. Mekanisme ini berperanan untuk membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh kontraktor di mana harga kontrak akan diselaraskan semula jika berlaku perubahan harga bahan- bahan binaan tertentu selepas kontrak diawad berbanding semasa harga tender ditutup.

Ini bermakna harga sesuatu kontrak itu akan diselaraskan dengan mengambilkira indeks harga semasa bahan binaan di pasaran. Di antara bahan-bahan binaan yang terlibat dengan VOP ini ialah 11 jenis bahan untuk kerja-kerja kejuruteraan awam dan 14 jenis bahan untuk kerja-kerja bangunan.

Di dalam masa yang sama, Kerajaan juga bersetuju untuk membenarkan penamatan kontrak secara Persetujuan Bersama (*mutual termination*) bagi kontraktor-kontraktor yang menghadapi masalah *cash flow* dan enggan

meneruskan pelaksanaan projek. Dalam masa yang sama juga, tuntutan Kerajaan terhadap baki Wang Pendahuluan boleh dijelaskan secara ansuran oleh kontraktor yang ditamatkan kontrak itu.

Berdasarkan ini, sehingga 31 Disember 2010 terdapat sebanyak 54 projek RMKe-9 dengan nilai RM528 juta yang telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama. Bilangan ini adalah kecil, iaitu kurang 1% berbanding dari 6,126 projek yang dilaksanakan di bawah pengawasan jabatan Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memastikan projek-projek RMKe-10 dilaksanakan secara optimum dan memberikan faedah wang terbaik, Kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah memutuskan pelaksanaan projek-projek pembangunan RMKe-10 dilaksanakan menerusi sistem

2 fasa, iaitu Tempoh Separuh Pertama (2011 — 2012) dan Tempoh Separuh Kedua (2013 — 2014). Ini bagi membolehkan Kerajaan untuk meneliti semula tahap keutamaan dan kesediaan sesuatu projek itu, seperti proses reka bentuk dan pengambilan tanah telah diselesaikan terlebih dahulu.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memutuskan supaya analisa Pengurusan Nilai (*Value Management*) dilaksanakan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek Kerajaan, khususnya bagi projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas. Pengurusan Nilai ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengeluarkan mana-mana komponen dan kos projek yang tidak menyumbang kepada nilai projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi projek berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG | JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO , HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]
TARIKH	21 MAC 2011
RUJUKAN	3393

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI polisi
DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan terhadap adakah pekerja
asing dari Bangladesh dan Kerajaan akan
memperbaharui dan melanjutkan visa kepada 350,000 orang pekerja yang
berada di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pokok Sena di atas soalan yang dikemukakan.

Dasar Kerajaan berhubung pekerja asing dari Bangladesh adalah jelas, iaitu dibekukan pengambilan pekerja asing dari negara tersebut dari 10 Mac 2009 sehingga sekarang.

Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat 319,475 warganegara Bangladesh yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih aktif sehingga 31 Disember 2010. Kerajaan akan memperbaharui dan melanjutkan PLKS pekerja yang masih berada di Malaysia mengikut syarat dan peraturan Imigresen sedia ada yang digunakan.

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B_ DATO⁵ SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA TARIKH
BERSIDANG**

**LISAN
TUAN WONG HO LENG [SIBU]
21 MAC 2011**

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan tindakan yang diambil untuk menambah tempat parkir di Hospital SibU dan Sarawak General Hospital bagi menggalakkan lawatan. Apakah tindakan yang diambil untuk menambah bilangan doktor dan jururawat di Hospital di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua ,

Kementerian Kesihatan memandang berat isu kekurangan tempat letak kereta di hospital-hospital kerajaan seluruh negara khususnya di Hospital Umum Sarawak dan Hospital SibU. Kerja-kerja naiktaraf bagi menambah bilangan tempat letak kereta bagi Hospital Umum Sarawak telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan Hospital SibU pada tahun 2009 dan 2010. Memandangkan keperluan tempat letak kereta yang semakin meningkat di hospital-hospital kerajaan, pihak

kementerian memutuskan supaya penyediaan dan pengurusan tempat letak kereta dilaksanakan oleh pihak swasta. Pendekatan ini bukan sahaja dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta tetapi dapat menyalurkan dana pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan kemudahan kesihatan yang lebih diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pelbagai usaha yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan dalam negara untuk ditempatkan di fasiliti - fasiliti perubatan KKM termasuklah di hospital-hospital di negeri Sarawak.

Antara langkah utama ialah dalam menempatkan Pegawai Perubatan Siswazah di hospital-hospital negeri Sarawak. Buat masa ini tiga buah hospital di Negeri Sarawak merupakan hospital latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) iaitu Hospital Umum Sarawak Kuching, Hospital Miri dan Hospital Sibul. Sehingga 31 Disember 2010 terdapat seramai 273 orang PPS di Hospital Umum Sarawak Kuching, 90 orang PPS di Hospital Sibul, dan 66 orang PPS di Hospital Miri. PPS yang telah menamatkan latihan siswazah ini akan ditempatkan di fasiliti-fasiliti KKM di seluruh negara termasuklah ke hospital-hospital di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, Kementerian juga telah melaksanakan penempatan PPS selepas tamat latihan siswazah di hospital-hospital

sekitar Lembah Klang di mana mereka ditempatkan keluar termasuklah ke Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, KKM juga mengambil langkah untuk melantik pegawai perubatan secara kontrak sehingga 31 Disember 2010 di negeri Sarawak terdapat 107 Pegawai Perubatan Kontrak yang berkhidmat di fasiliti kesihatan di dalam negeri Sarawak.

Bagi perkhidmatan Jururawat pula, seramai 1,072 Jururawat ditempatkan di hospital-hospital di negeri Sarawak di mana 93% daripada 1,152 jawatan tersebut telah dibuat pengisian.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kejururawatan yang berkesan, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan Jururawat di semua fasiliti kesihatan di KKM termasuklah di hospital- hospital di negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

[BACHOK]

TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

SOALAN NO : 50

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menghadapi bencana banjir khususnya di negeri-negeri Selatan dan Pantai Timur negara.

JAWAPAN: Y.B, DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah mewujudkan satu mekanisme pengurusan bantuan bencana negara melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara No.20 yang ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Mei 1997. Mekanisme ini telah memberikan tatacara yang jelas bagaimana satu kejadian bencana diuruskan. Pengurusan yang melibatkan:
 - i. Mencari dan menyelamatkan;
 - ii. Kebajikan;
 - iii. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan;
 - iv. Penilaian dan pemulihan;
 - v. Media;
 - vi. Keselamatan; dan
 - vii. Perkhidmatan sokongan

Di samping itu, sebanyak 7 Perintah Tetap Operasi (PTO) melibatkan pengendalian bencana banjir, pengendalian bencana industri, pengendalian bencana kebakaran hutan/pembakaran terbuka dan jerebu, pengendalian bencana gempa bumi, pengendalian bencana tsunami, pengendalian bencana kemarau dan pengendalian bencana minyak, gas dan petrokimia telah pun disediakan oleh beberapa agensi yang terlibat.

Dalam menangani masalah banjir Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir di 17 lembangan sungai utama dan di 27 bandar dengan kos RM3.384 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) bertujuan untuk mengurangkan kesan banjir seterusnya mencegah kejadian banjir.

Berikutan daripada banjir besar yang melanda beberapa negeri pada Disember 2006 hingga Januari 2007, Kerajaan mendapati berlaku kekurangan aset untuk bantuan menyelamatkan dan keperluan kemudahan asas di pusat pemindahan. Kerajaan telah mengenalpasti 32 jenis peralatan yang perlu diletakkan dalam keadaan siap sedia melalui pengurusan stor berpusat. Stor berpusat ini akan diletakkan di bawah penyeliaan Kementerian

Pertahanan. Satu peruntukan sejumlah RM84 juta telah pun

diluluskan bagi perolehan aset berkenaan. Antara aset yang ada

pada masa kini adalah bot berkuasa tinggi, kenderaan lori 7 ton, tandas bergerak dan jambatan Bailey

4. Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah menyediakan sistem amaran awal bagi gempa bumi, tsunami, amaran cuaca serta banjir. Amaran awal ini akan disampaikan kepada masyarakat melalui beberapa saluran seperti sistem siren, internet, televisyen, radio dan melalui sistem yang dikenali sebagai *Fixed Line Alert System* (FLAS).
5. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkemaskan jentera bantuan kemanusiaan terutama dalam menentukan pusat pemindahan yang sempurna dan kesesuaian untuk menempatkan mereka yang terlibat dengan bencana. JKJ juga sedang di dalam proses pewujudan lima Depot Bekalan Bencana di bawah Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) iaitu di Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Terengganu. Kerajaan sedang berusaha membangunkan sistem maklumat penduduk bagi memudahkan pendaftaran mereka yang terjejas dengan bencana di samping mengelakkan berlakunya

kecikiran dan kelewatan.

6. Setiap agensi Kerajaan juga sentiasa mengadakan latihan NO. 41/1/2017/27 semasa untuk meningkatkan koordinasi serta kecekapan anggota penyelamat untuk menghadapi bencana dan latihan ini memberi fokus kepada bencana yang mempunyai kesan besar kepada keselamatan diri dan harta benda.

Sekian, terima kasih.

NO. AUP : 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]
TARIKH	21 MAC 2011
RUJUKAN	3550

SOALAN:

Dr. Ramasamy *a//* Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah sebab-sebab yang mendorong pihak polis untuk bertindak kasar terhadap individu-individu yang telah menyertai demonstrasi anti-rejim Mubarak di Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

NO. AUM : 29

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa bersikap berkecuali dan tidak akan mencampuri urusan dalaman mana-mana negara sekalipun termasuk apa yang berlaku di Mesir. Kerajaan juga tidak menghalang mana-mana individu untuk menyatakan sokongan terhadap apa yang berlaku di Mesir asalkan ianya tidak mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam disamping tidak melanggar undang-undang.

Pihak polis tidak pernah melakukan sesuatu tanpa asas pertimbangan yang sah dan sentiasa menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang yang digunapakai di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN: 49

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]
TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rancangan untuk mengaktifkan kembali projek jambatan antara Johor dan Singapura (Crooked Bridge) yang telah dibatalkan seperti yang diminta oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ataupun Kerajaan mempunyai pelan alternatif untuk jambatan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaik serta memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan orang ramai di antara kedua-dua negara.

PEMBERITAH
U
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA PERTANYAAN TUN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)
DEWAN
TARIKH RAKYAT 21.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab berkenaan keputusan peperiksaan PMR tahun lepas di mana 38,000 penuntut telah mencapai 8 gred A dan beg itu juga dengan keputusan peperiksaan SPM di mana beribu-ribu lagi penuntut telah mendapat gred "A" dalam semua mata pelajaran maka apakah hitungan markah minima untuk lulus setiap mata pelajaran PMR dan SPM serta hitungan markah untuk mencapai gred "A" dalam setiap mata pelajaran PMR dan SPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan keputusan pencapaian yang memberangsangkan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah selari dengan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah- sekolah yang semakin berkesan serta berkualiti. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan yang besar dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan termasuklah kualiti guru-guru dan kemudahan-kemudahan sokongan pendidikan yang lairu Hasil usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan ini dapat diterjemahkan dengan keputusan pencapaian mu rid yang meningkat dari setahun ke setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, markah lulus bagi setiap mata pelajaran adalah berbeza antara satu mata pelajaran dengan lain kerana setiap mata pelajaran mempunyai markah penuh yang berbeza. Walau bagaimanapun, markah sempadan bagi semua peperiksaan adalah sulit seperti termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 di bawah Peraturan-Peraturan (Penilaian dan Peperiksaan). Bagi memastikan pentaksiran yang dijalankan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (*valid and reliable*), KPM melalui Lembaga Peperiksaan sentiasa mematuhi teori-teori terkemuka yang relevan berkaitan pengukuran dan penilaian.

Di samping itu, Lembaga Peperiksaan turut melaksanakan penjaminan kualiti, penyamarataan, penandaarasan dan pengiktirafan terutamanya dengan badan-badan pentaksir terkemuka daripada luar negara seperti dari *Cambridge International Examination (CIE)*, *London Chambers of Commerce and Industry (LCCI)*, *New Zealand Qualifications Authority (NZQA)* dan *Australian Education for Educational Research (ACER)*.

Rjm 37

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN LISAN, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KE-12, DEWAN RAKYAT,
ISNIN, 21 MAC 2011

SOALAN NO. 54:

Tan Sri Dato¹ Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta PERDANA MENTERI menyatakan nyatakan kos sebenar bagi menyiapkan Terminal

Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan kerana kos awalnya dikatakan berjumlah RM540 juta dan mengapa Maju Holding yang mengenakan caj mahal sehingga menimbulkan bantahan pengusaha bas ekspres diberi hak mengendalikan terminal ini bukannya Syarikat Prasarana Negara.

NO. SOALAN: 49

JAWAPAN: (OLEH Y.B. DATUK HJ AHMAD BIN HJ MASLAN,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Kos asal bagi pembinaan Terminal Bersepadu Selatan-Bandar Tasik Selatan(TBS-BTS) adalah di bawah peruntukan Kementerian Pengangkutan iaitu sebanyak RM570 juta (RM200 juta Terminal, RM195 juta kerja-kerja struktur awam jalan dan jambatan penghubung, RM84 juta kerja-kerja M&E, RM35 juta kerja-kerja cerucuk dan RM56 juta kerja-kerja berkaitan). Maju TMAS iaitu anak syarikat kepada Maju Holdings telah dilantik secara interim oleh pihak Kerajaan selama satu (1) tahun sebagai operator terminal dan penyelenggara TBS-BTS bermula 1 Januari 2011. Ini mengambil kira faktor Maju TMAS merupakan anak syarikat kontraktor asal dan mempunyai kepakaran yang terperinci berkenaan fasiliti dan sistem di TBS-BTS.

Berkenaan caj yang dikenakan, Kerajaan telah menetapkan caj lorong bas sebanyak RM6 bagi setiap ketibaan dan RM6 bagi setiap perlepasan bas dari terminal. Kadar caj yang dikenakan kepada pengusaha bas ketika ini sama dengan kadar caj di Terminal Puduraya. Kadar caj yang dikenakan ini merangkumi kemudahan *bus holding area* di mana terdapat kemudahan

seperti tempat rehat dan kafeteria untuk kemudahan pemandu bas. Walau bagaimanapun, setakat ini caj lorong bas masih belum dikenakan kepada pihak pengusaha bas.

Antara caj lain yang dibangkitkan pengusaha bas adalah caj penggunaan sistem *e_ticketing* yang dibangunkan oleh Maju TMS. Caj yang dikenakan adalah RM1 bagi setiap tiket. Walau bagaimanapun, caj ini juga ditangguhkan setakat ini sehingga dinilai kembali dan diputuskan oleh pihak Kerajaan kelak. Segala caj dalam tempoh ini ditanggung oleh pihak Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah kelulusan untuk membina projek MRT dibuat:-

- (a) tanpa menunggu hasil kajian pelan induk pengangkutan yang akan dibentangkan September 2011 nanti; dan
- (b) tanpa ada kajian sistem alternatif yang lebih kos efektif dilakukan.

MENTERI D | JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua

Cadangan untuk satu jajaran rel yang dapat memberi perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien kepada penduduk di kawasan- kawasan antara Sungai Buloh dan Kajang telahpun dikemukakan oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad pada tahun 2006. Kajian fisibiliti dan kajian-kajian yang lain serta perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan telah dijalankan semenjak tahun itu.

Jajaran rel tersebut juga telah dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2008 dan seterusnya oleh makmal NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley pada tahun 2010.

Disamping itu, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan pihak perunding bebas yang dilantik of Kementerian Kewangan, Minconsult, juga telah mengkaji projek MRT dari sudut *Tinancial & Economic Benefits*” pada pertengahan tahun 2010. Kajian tersebut telah merangkumi perbandingan MRT dengan beberapa alternatif seperti jaringan *Bus Rapid Transit* (BRT) dan LRT.

Untuk jajaran-jajaran masa depan, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan sebelum jajaran-jajaran tersebut dapat dikenalpasti. Kajian ini sedang dilaksanakan oleh SPAD dalam konteks Pelan

Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Rancangan Pembangunan Rel Bandar (*Urban Rail Development Plan*), yang merupakan satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, akan dapat menentukan koridor-koridor MRT yang akan dibangunkan pada masa depan.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Kajian fisibiliti yang terperinci juga diperlukan sebelum pembinaan jajaran-jajaran yang lain dapat dilaksanakan. Kajian untuk Rancangan Pembangunan Rel Bandar dijangka akan siap pada hujung bulan Mac 2011.

Rumusan kajian-kajian di atas telah membolehkan kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan pembinaan fasa pertama projek MRT Lembah Kelang dari pada tahun ini. SPAD juga telah menetapkan jajaran ini sebagai jajaran utama berdasarkan

Jajaran Sungai Buloh ke Kajang diberi keutamaan untuk pelaksanaan adalah berdasarkan kepada Rancangan Pembangunan Rel Bandar (*Urban Rail Development Plan*) yang masih dalam peringkat perangkaan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS
TAHUN 2011**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI
(KUALA KRAI)**

TARIKH

21.3.2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- a) Prestasi penyediaan jalan-jalan baru dan naiktaraf jalan luar bandar di Kuala Krai berbanding KPI bagi NKRA Infrastruktur Luar Bandar; dan
- b) Sama ada Jalan Pasir Kelang-Buyong-Kg. Taku dalam Parlimen Kuala Krai termasuk dalam NKRA ini bagi RMK10.

siap (*Liquidated Ascertained Damages*) sebanyak RM931.69 sehari. Prestasi
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah tempoh pelaksanaan NKRA (2010-2012), terdapat sebanyak satu (1) projek JALB dikawasan Parlimen Kuala Krai iaitu Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Taman Melati ke Kg. Gatal, Kuala Krai. Projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 1.7km dan 1 unit jambatan dengan kosberjumlah RM6.0 juta.

Projek ini telah dimulakan pada 28 September 2009 dan dijangka siap pada 17 Februari 2011. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tarikh kontrak dankontraktor telah dikenakan denda kerja tidak

terkini projek adalah 100%(jadual) / 76.8%(sebenar) dan dijangka dapat disiapkan pada 18 April 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan melaksanakan projek menaik taraf Jalan Perhubungan Desa(dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung) di kawasan Kuala Krai iaitu di Kampung Pasir Kelang secara berperingkat-peringkat dengan peruntukan permulaan pada tahun ini sebanyak RM400,000.00. Sebahagian kerja-kerja menaik taraf jalan di kawasan Kampong Pasir Kelang ini akan meliputi jajaran Kg. Pasir Kelang - Kg. Buyong - Kg. Takur.

NO. AUM : 121

NO. AUP : 5分

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA
TERENGGANU]

DARIPADA 21 MAC 2011

3391

TARIKH

SOALAN:

RUJUKAN

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anak yang tidak sah taraf yang
dilahirkan dan jumlah kes pembuangan bayi yang baru dilahirkan di seluruh
negara mengikut pecahan negeri-negeri pada tahun 2008 , 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah anak luar nikah yang didaftarkan pada tahun 2008 adalah sebanyak 46,822, bagi tahun 2009 sebanyak 52,378 dan bagi tahun 2010 pula adalah sebanyak 52,982. Statistik terperinci mengikut pecahan negeri akan saya serahkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Manakala, jumlah kes pembuangan bayi yang dilaporkan adalah sebanyak 102 kes bagi tahun 2008, 79 kes bagi tahun 2009 dan 27 kes sehingga bulan April 2010. Kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan adalah sebanyak 220 kes bagi tahun 2008, 203 kes bagi tahun 2009 dan 76 kes sehingga bulan April 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Semua kes yang dilaporkan akan disiasat oleh pihak polis untuk mendapatkan keterangan-keterangan dan bukti yang mencukupi untuk mendakwa suspek. Berpandukan kepada statistik PDRM, jumlah kes penderaan dan buang bayi yang berjaya didakwa di Mahkamah adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	KES PENDERAAN KANAK-KANAK	KES BUANG BAYI
1.	2008	11	2
2.	2009	8	0
3.	2010 Hingga April	2	1

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah tangkapan yang melibatkan kes penderaan kanak-kanak dan buang bayi pula adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	KES PENDERAAN KANAK-KANAK	KES BUANG BAYI
1.	2008	62	16
2.	2009	86	11
3.	2010 hingga April	5	2

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes pembuangan bayi sama ada yang masih hidup atau mati, pihak PDRM akan menyiasat mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. PDRM juga akan merujuk bayi yang ditemui masih hidup kepada pihak hospital untuk pemeriksaan dan rawatan. Seterusnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat selaku Pelindung untuk penjagaan bayi berkenaan akan memohon kepada mahkamah bagi menempatkan bayi tersebut di tempat yang selamat.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

KAWASAN BAGAN

TARIKH 21 MAC 20f 1 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah jaminan bank, subsidi atau insentif yang diberikan dan pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap syarikat konsesi tol tiap-tiap tahun sejak ia bermula pada tahun 1980-an. Berikan pecahan syarikat, kos pembinaan dan tempoh masa konsesi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua ;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010 jumlah pampasan dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya ialah sebanyak RM2.05 bilion.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikutan dari keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuhraya- lebuhraya yang sedang beroperasi, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol di Plaza Tol Salak jaya, Lebuhraya Sungai Besi, penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas bagi lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian PLUS Expressways Berhad dan pampasan kerana tidak melaksanakan ~~restriction order~~ Lebuhraya Selat Klang Utara Baru,

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol, kos pembinaan dan tempoh konsesi mengikut lebuhraya ialah seperti berikut :

BIL.	LEBUHRAYA	JM巧认好	(RMJUTA)	TEMPOH (TAHUN)
1.	Lebuhraya Utara Selatan	735.22	5,944.77	50
2.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah	13.79	1,249.88	36
3.	Lebuhraya Shah Alam	9.78	1,115.88	30
4.	Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak	100.86	451.70	38
5.	jambatan Pulau Pinang	181.23	943.54	24
6.	Lebuhraya Seremban Port Dickson	0.18	224.61	43
7.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura	31.98	1,026.16	45
8.	Lebuhraya Butterworth-Kulim	24.21	255.85	32
9.	Lebuhraya Cheras Kajang	105.15	286.49	32
10.	Lebuhraya Damansara Puchong	631.31	1,080.0	34
11.	Lebuhraya Sungai Besi	8.21	278.83	36
12.	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur	45.86	462.70	33
13.	Lebuhraya Skim Penyuralan Trafik Kuala Lumpur Barat	76.43	1,246.00	36 Pakej AscB ; SC 33 Pakej C
14.	Lebuhraya Pmtas Selat Klang Utara Baru	30.87	320.0	17
15.	Lebuhraya Metramac	0.40	45.00	26
16.	Lebuhraya Baru Pantai	25.78	660.00	27
17.	Lebuhraya Sistem Lingkaran Luar Kajang	2.71	1,003.00	40
18.	Lebuhraya Pantai Timur 1	1.61	1,300.00	38
19.	Lebuhraya Shah Alam - Kuang	0.10	660.00	33
20.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth	17.62	252.40	30
21.	Lebuhraya SMART	6.59	1,933.00	40
22.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya	1.08	1,252.00	32

BIL.	LEBUHRAYA	PAMPASAN (RM JUTA)	PEMBINAAN (RM JUTA)	TEMPOH / ^ia IRONSES麗 (TAHUN)
	雜縫竣驗錄褒錄續凝驗邊錄錄漆域!絲 麟鐵威奏織鶴威參急益威鑄緣益			
23.	Lebuhraya Kajang-Seremban	0.01	766.00	42
24.	Lebuhraya Duta Ulu Kelang	0.16	822.00	34
25.	Lebuhraya Senai Desaru	0.01	1,300.0	33
26.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam	-	406.60	40
27.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan	-	1,100.00	40
	JUMLAH	2,051.15		

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai jumlah jaminan bank, subsidi dan insentif cukai kepada syarikat- syarikat konsesi yang berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Agensi Pusat, iaitu Unit Perancang Ekonomi di jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN NGA KOR MING[TAIPING]

TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan senarai kos perbelanjaan secara terperinci termasuk pelantikan consultant yang terlibat untuk mempromosikan kempen "1 Malaysia'

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah melaksanakan berbagai-bagai aktiviti dan program bagi mempromosikan Gagasan 1 Malaysia kepada masyarakat umum dengan menggunakan setiap kepakaran, kemahiran dan sumber manusia yang sedia ada di semua jabatan dan agensi dibawahnya dalam merancang dan melaksanakan kempen dan promosi Gagasan 1 Malaysia tanpa melantik mana-mana perunding luar.

Bagi tahun 2010 , jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi melaksanakan promosi Gagasan 1 Malaysia yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan adalah sebanyak RM 2,941,884.80. Peruntukan ini meliputi kos untuk melaksanakan program-program Jabatan sebanyak RM1,243,579.30, kos pengiklanan sebanyak RM917,596.50, kos penerbitan sebanyak RM443,675.00 dan pembelian barangan/cenderamata sebanyak RM337,034.00. Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) pula hanya menggunakan peruntukan Dasar Sedia Ada di Bawah PK 29000 bagi melaksanakan program-program untuk mempromosikan Gagasan 1 Malaysia.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DARI
DARIPADA DEWAN RAKYAT
LISAN
Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)

TARIKH 2103.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan memberi penjelasan kenapakah perlu buku Interlok karya Dato' Abdullah Hussien, Sasterawan Negara dipinda sebagaimana tuntutan segelintir pihak yang mempolitikkan buku ini , dimana buku Interlok yang dihasilkan hampir 40 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
DARIPADA	21.3.2011 (ISNIN)

TARIKH	NO. SOALAN
--------	------------

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah kadar pelaburan yang diterima oleh Pulau Pinang dan faktornya.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua ·

Pulau Pinang merupakan negeri yang teratas menerima kemasukan pelaburan pada tahun 2010 dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM12.2 bilion yang meliputi 128 prolek perkilangan, Daripada jumlah tersebut,

RM 10,45 bilion merupakan pelaburan asing manakala RM1,79 bilion merupakan pelaburan domestik.

Dari tahun 2008 hingga 2010, Pulau Pinang telah menerima jumlah pelaburan bernilai RM34.7 bilion dan antara industri utama yang menjana jumlah pelaburan yang tinggi adalah:

- Ⓜ elektronik dan produk elektrik (E&E) (RM18.4 bilion);
- Ⓜ produk logam (RM4.7 bilion);
- Ⓜ alat pengukur saintifik (RM2.8 bilion); dan
- peralatan pengangkutan (RM1.8 bilion).

Antara faktor yang mendorong serta menggalakkan kemasukan pelaburan di Pulau Pinang adalah:

- Ⓜ kewujudan beberapa industri utama yang mampan dan lama tertubuh sejak tahun 1970-an seperti E&E, jentera dan peralatan, peranti perubatan, serta industri sokongan kejuruteraan;
- kewujudan prasarana terbina seperti taman teknologi tinggi dan taman perindustrian;
- zon perindustrian bebas serta kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan;

• {S-Dellu1r11) sE11loJH1E2W0 Mnsplnseuljel D)uaid ncolnd
!-oyiederoci 11(019101eA011J Jessqjof Jen13au3Q foJiHuv ■eAulcoamedes ue-
oac(ara>lado—.rholou>li0,q
afolU11caelRouey1partlos | 𐌲 (Anpct— | *Mocaw* uelJnqluntodttuepiq |eD)ec!9s jiscod
!0U9>11PCDrea jinsnpu! ■LJ1Wnpu | xrwBULa: f.■(coas ° esi»eyl uel±3rll3uiba>d ynpul ueod
EelertJ11sea_eua>lip l1lea); GueA eueluirades Jettou1
UCO113uenlleileaiueas-SU3HI1J3C1 wretfljocarc?=-aueA qequie † iisiu
' ■Ba- E1ao_ou>let3qJOSD1S1OSSEas w00c>u(0ac31nt9)»duroaE
ncoindMocac>1rah1KJ191e1sAe1e2a!>! uejinqroled >H1eua>LU w^s31rocfSD ue>1ic:hbjoaE31u
dcrefto19>!

wrediaoe>twrl

• uejecllU3j JOPU3>

laleo uelaulpifjoci nep uouduioyj -lIleHleul uejCeq udcayleguicd
uwrrun &co | ep sloicjDisejod uejauay iiuo>lo>u3ul ylnlcu ueléalual
nsmgul J(Djsei>i urepntfmMo>J .

nep l>naijq 6ueA lejcop ue--

oIDelwJelT3n uev1>lo:ueliu3auiejey1auej uelIepn&e>1 ®

reso:ueqelEhue uelEqe>iJ3Q uccnlel **jpo Me**

采 3U3》 **etlesi⁵saldio)αCDueA cellnaeloQ udcant&A>I .**

Pejabat M DA Negeri turut membantu pelabur dalam berurusan dengan pelbagai pihak berkuasa tempatan termasuk agensi pengqalakan pelaburan negeri untuk memastikan sesebuah projek dapat dilaksanakan mengikut jadual tanpa sebarang masalah.

PEMBERITAH

PERTANYAAN U LISAN
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
TARIKH RAKYAT 21.03.2011

SOALAN

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan akan mengadakan sekolah khas kepada anak kepada pelarian asing dan anak yang dilahirkan di Malaysia oleh pendatang tanpa izin memandangkan jumlah kanak-kanak dalam kategori ini telah meningkat dan ia akan menjadi satu masalah sosial dalam jangka masa panjang sekiranya kita mengeneipkan isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang sama ada ibu atau bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada ketua kampung.

Kerajaan sedar kanak-kanak warga asing yang tidak memiliki dokemen boleh mendatangkan masalah sosial di kawasan setempat. Sungguhpun kanak-kanak

bukan warganegara, tidak dibenarkan mengikuti pendidikan di sekoiah kerajaan dan sekoiah bantuan kerajaan, KPM telah memutuskan dasar pendidikan alternatif kepada kanak-kanak tersebut. Bagi menjayakan dasar ini, penglibatan pelbagai agensi dan NGO dalam membantu menjayakan pendidikan alternatif amat diharapkan.

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO¹ NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH

21 MAC 2011

SOALAN:

Dato¹ Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PENERANGAN , KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat telekomunikasi yang mengenakan caj bayaran ke atas pelanggan untuk hantaran sms oleh syarikat telekomunikasi atau pihak ketiga kepada nombor telefon pelanggan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memantau pemberian perkhidmatan kandungan SMS ini secara berterusan. Perkhidmatan kandungan SMS ini menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan seperti nada dering, video, permainan Java, gambar paparan skrin, lawak jenaka dan juga berita semasa.

Perkhidmatan ini biasanya dibekalkan oleh pembekal syarikat telekomunikasi itu sendiri sebagai perkhidmatan tambah nilai mereka

SOALAN NO: 139

dan juga oleh pihak ketiga. Pembekal perkhidmatan ini dikenali sebagai pembekal kandungan mudah alih atau *Content Provider* (CP).

Pembekal kandungan mudah alih (CP) ini perlu mempunyai lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (Kelas).

Setakat 31 Januari 2011, SKMM telah mendaftarkan 225 syarikat sebagai pemegang lesen kelas bagi memberikan perkhidmatan pesanan atau dengan izin, (*messaging services*).

Perkhidmatan kandungan Mudah Alih dikawal selia melalui:

- a. Kod Amalan Am Pengguna melalui Syarat Lesen;
- b. Standard Mandatori bagi Pemberian Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih; dan
- c. Garis Panduan Industri bagi Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih.

Untuk makluman, CP boleh mengenakan caj bagi setiap pembelian kandungan atau langganan yang dibuat oleh pelanggan. Kandungan ini biasanya dikenakan bayaran premium dari RM0.50 hingga ke RM10.00 setiap satu kandungan. CP mesti membekalkan pengguna dengan maklumat yang jelas tentang harga dan caj-caj lain yang bakal dikenakan kepada pengguna. Adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memahami terma dan syarat serta harga sebelum pembelian atau langganan dibuat.

SOALAN NO: 140

Bagi menangani isu berkenaan pengguna menerima kandungan yang tidak dilanggan dan dikenakan caj, SKMM telah meminta pemberi perkhidmatan selular supaya mewujudkan satu sistem yang dapat menyekat secara automatik kandungan-kandungan yang dihantar tanpa izin pengguna dan mengenakan caj.

Dalam siasatan awal berdasarkan log transaksi pengguna yang mengadu tidak pernah melanggan, didapati terdapat permintaan pengguna bagi langganan tersebut. Berdasarkan pemantauan SKMM, pengguna tidak memahani prinsip langganan dalam perkhidmatan kandungan mudah alih dan juga kata kunci yang digunakan dalam perkhidmatan langganan kandungan. Pengguna juga tidak sedar telah melanggan perkhidmatan ini kerana iklan-iklan yang mengelirukan.

Selain itu, pemberian telefon kepada pihak ketiga seperti anak-anak dan ahli keluarga lain menyebabkan pengguna tidak sedar tentang langganan tersebut dan tiba-tiba dikejutkan oleh caj-caj asing di dalam bil mereka.

Oleh yang demikian, peranan pengguna amat penting dalam mengawal penggunaan telefon mereka dan juga mengambil maklum terma dan syarat serta caj-caj yang bakal dikenakan bagi setiap perkhidmatan yang dibeli atau dilanggan.

Z£	pun> o> bjb>i ue6uruue66u9d	P
01	se> 6uu po> ue6uniue66u9ci	'£
/	l BLUB>iqBIU !p BM> BP!P 6uBA S0>]	Z
/	unediuo>!p 6uBA	/
qeixinp	ue> epu!_	ON

:CH02 unqe^ eped t|i|e ijepnuu ue6unpue>j IB^eqtuad depeiija} !|qtue!p 6uBA

ueyjepui} ye|iunf *pp* qeiepe jn^uea

£9 :ON NV1VOS

NO. SOALAN:

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

LISAN

21 MAC 2011 [ISNIN]

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

PERTANYAAN

TARIKH

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta PERDANA

DARIPADA

MENTERI

SOALAN :

menyatakan pelaksanaan sistem menunaikan Fardu Haji secara
berpakej dikatakan menghalang peluang jemaah haji biasa untuk
dapat peluang dalam perjalanan sepatutnya. Sila kemukakan

data kedudukan haji secara berpakej diberi kepada syarikat-syarikat pengurusan haji
sejak 5 tahun lalu (2005-2010) berbanding pemergian haji biasa dalam jangkamasa
yang sama.

JAWAPAN :

(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO ,
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat utama bagi bakal jemaah yang
hendak menunaikan haji melalui pakej ialah mereka hendaklah memastikan terlebih
dahulu telah mendapat status terpilih sebelum membuat pilihan sama ada hendak
menunaikan haji secara biasa, iaitu
Muassasah atau secara pakej.

Dari tahun 2005 hingga 2010 , pecahan jemaah haji yang menunaikan haji secara Muassasah dan secara pakej adalah seperti berikut:-

TAHUN	JEMAAH HAJI MUASSASAH (%)	JEMAAH HAJI PAKEJ (%)
2005	69.18	30.82
2006	70.63	29.37
2007	65.94	34.06
2008	64.13	35.87
2009	59.09	40.91
2010	60.84	39.16

Adalah didapati bahawa sejak kebelakangan ini, jumlah jemaah haji yang memilih pakej haji telah meningkat berbanding jemaah haji yang memilih untuk pergi secara muassasah. Ia berdasarkan kepada pilihan jemaah haji sendiri dan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi kemampuan kewangan umat Islam di Malaysia dalam menunaikan fardu haji.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM UP ENG [SEGAMBUT]

SOALAN NO : 50

TARIKH : 21 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan angka keluarga dan angka mangsa yang terbabit dalam bencana banjir di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang baru- baru ini. Berapa yang dibelanja oleh Kerajaan setakat ini untuk mengatasi isu ini. Apakah kajian dibuat bagi mengelakkan banjir daripada terus melanda negeri-negeri tersebut.

JAWAPAN: Y,B, DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Jumlah angka keluarga dan mangsa banjir seluruh negara pada awal tahun 2011 adalah seperti jadual berikut:

NEGERI	JUMLAH PUSAT PEMINDAHAN	JUMLAH KELUARGA	JUMLAH MANGSA
JOHOR	290	16,455	67,000
SIELAKA	32	2,325	9,098
NEGERI SEMBILAN	27	715	3,083
PAHANG	30	381	2,663
SABAH	20	903	3,389
SARAWAK	18	615	2,949
JUMLAH KESELURUHAN	417	21,394	88,782

- 2) Kerajaan telah menyalurkan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pengurusan mangsa-mangsa banjir di pusat- pusat pemindahan untuk tujuan bekalan makanan, selimut, tikar, keperluan harian dan alat-alat kebersihan diri. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi menampung keperluan ini adalah sebanyak RM27,938,057.00.

- 3) Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir apabila mereka pulang ke rumah, kerajaan telah menyalurkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 untuk setiap keluarga mangsa banjir. Sejumlah RM24,866,000.00 telah diagihkan kepada mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011.
- 4) MKN telah dimaklumkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bahawa kajian menyeluruh untuk program pencegahan banjir di seluruh negara telah pun siap. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut perlu dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan disebabkan pelaburan yang perlu dibuat adalah sangat besar.
- 5) Rancangan Tebatan Banjir perlu diteruskan bagi mengurangkan kesan banjir yang berlaku. Namun, ia bukanlah satu penyelesaian secara menyeluruh dan perlu diimbangi dengan program-program yang lain. Kerajaan perlu memberikan perspektif yang sebenar kepada masyarakat bahawa kejadian banjir merupakan kejadian semula jadi yang tidak dapat dielakkan, tambahan pula dengan isu perubahan iklim dan pemanasan global yang memberikan impak bukan sahaja kepada Malaysia, malahan negara-negara maju seperti Australia , India , China dan lain-lain.
- 6) Selain daripada itu, masyarakat juga perlu diterapkan dengan kesedaran mengenai bencana; mekanisme pengurusan bencana negara; penjelasan mengenai punca-punca suatu kejadian bencana itu dan langkah-langkah pencegahan dan persediaan menghadapi bencana; serta meningkatkan penglibatan masyarakat apabila berlaku bencana.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 66

PERTANYAAN: LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 21 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap majikan yang masih menggunakan pekerja asing dan memecat pekerja tempatan dan berapa banyakkah yang telah dihukum atas tangkapan (dakwaan) dibuat sehingga tahun 2010.

PR-000-L42358

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga sekarang tiada kes pendakwaan yang melibatkan majikan memecat pekerja tempatan dan menggantikan dengan menggaji pekerja asing oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).
2. Untuk Makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan menjalankan siasatan ke atas aduan majikan yang memecat pekerja tempatan dan menggantikan dengan menggaji pekerja asing. Semasa lawatan pemeriksaan audit dan pembangunan oleh pegawai-pegawai JTK ke premis pekerjaan, majikan akan diberi nasihat supaya mematuhi seksyen 60M Akta Kerja 1955 berkaitan larangan menamatkan pekerja tempatan bagi maksud mengambil pekerja asing. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan ke atas seksyen 60M Akta Kerja 1955, JTK akan mengeluarkan notis pematuhan terhadap majikan yang melanggar seksyen tersebut dan majikan perlu menunjukkan bukti pematuhan bahawa mereka telah mematuhi

peruntukan seksyen 60M dalam tempoh 14 hari. Mana-mana majikan yang melanggar peruntukan tersebut adalah melakukan satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 99A Akta yang sama.

NO. SOALAN :

67

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN
DARIPADA PERTANYAAN

LISAN
DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

TARIKH DEWAN

21 MAC 2011

RAKYAT

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan manfaaatnya kepada FELDA Global Ventures apabila FINA, anak syarikat FELDA IFFCO Sdn. Bhd. membeli Twin Rivers Technologies Natural Ingredients dari Twin Rivers Technologies US dengan harga RM75.5 juta walaupun telah mengalami kerugian RM140 juta pada tahun 2009 dan operasinya tertangguh.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Twin Rivers Technologies Natural Ingredients (TRTNI) merupakan salah sebuah anak syarikat milik penuh FELDA Global Ventures sebelum ini.

Syarikat tersebut turut terlibat di dalam penstrukturan semula syarikat Kumpulan FELDA Global Ventures dan diletakkan di bawah FELDA IFFCO Sdn. Bhd. atas dasar operasi perniagaannya yang lebih mirip kepada aktiviti perniagaan FELDA IFFCO Sdn. Bhd. berbanding aktiviti Twin Rivers Technologies.

Kepentingan efektif FELDA Global Ventures di dalam TRTNI telah berkurangan dari 100% pegangan ekuiti kepada hanya 50% selepas penstrukturan semula tersebut. Secara tidak langsung, pendedahan perniagaan Kumpulan FELDA Global Ventures turut berkurangan.

Penstrukturan ini juga merupakan satu *platform* kepada FELDA IFFCO Sdn. Bhd. untuk menceburi pasaran industri hiliran (*downstream industry*) di Amerika Syarikat.

SOALAN NO.: 68

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

[SHAH ALAM]

TARIKH

21 MAC 2011

SOALAN

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah punca masalah banjir di negeri-negeri seperti Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan apakah perancangan penyelesaiannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, antara punca-punca berlakunya masalah banjir termasuk di negeri-negeri seperti Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan ialah :

- i. Hujan lebat yang berterusan;
- ii. Air Pasang;
- iii. Sampah-sarap yang menghalang laluan air; dan
- iv. Pembangunan pesat yang tidak terancang menyebabkan kadaralir air meningkat.

Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menyelesaikan masalah banjir adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir;
- ii. Menyediakan pelan induk saliran dan tebatan banjir bagi kawasan terlibat;
- iii. Menyediakan rekabentuk terperinci; dan
- iv. Melaksanakan langkah-langkah struktur seperti menaiktaraf sistem saliran, membina benteng banjir, menggantikan struktur-struktur yang menghalang laluan air, membina rumah pam serta membina kolam-kolam takungan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANT1AGO
KAWASAN DARIPADA TARIKH	KLANG 21.03.2011

NO. SOALAN

Tuan Charles Anthony A/L R.Santlago [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dasar Kerajaan untuk menjamin Hak untuk Kesihatan atau Right to Affordable Medicine dalam perjanjian FTA dengan EU dan USA melalui Transpacific Economic Partnership.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan FTA Malaysia dengan Kesatuan Eropah (European Union — EU) dan rundingan Perkongsian Trans-Pasifik (Trans-Pacific Partnership — TPP) masih di peringkat awal. Sepertimana rundingan- rundingan FTA yang lain , Kerajaan akan sentiasa membuat keputusan berdasarkan kepentingan negara dan akan mengambil kira kepentingan dan kebajikan Rakyat. Dalam perkara in | Kerajaan akan memastikan bahawa FTA tidak akan menggugat hak Kerajaan untuk

-uB ; eqnjed uB^ejBjed uep |e>j;;^n3seiujej f^iedas ue)Bij]ise>|
ue6uejeq e6iBi] ue>|6uejn6u3ui iiajoq jue^ ue6uejn6ued 'qoiuoo jeSBqes ■ueiBqise^
jcxpj es Bpede>| ue>ijBqe>j ue>]6ue)epueuj i)3)oq 6ueA ueSueSepjed ueifueped
epedu ep ijBpeBj-qBpeBi eBnf **ledepje** ***uibmb ub:bi|is8>| >jn:un >jnanq BubA uesey**
ue>j6uB ; Bpuaiu bAubij eAui^sauiesUBBueBepaed isesi|ejaqil ^nw epcd uiBjea

Bpede^ : Bqn ueiBMeued uep ue>jnsBiua>i depBiiJa:
ise>]!]diu! uequaiu i^edepip #eqn bBjbij eAuBji>jes ue^eunSip ijejoq 'uizi ueBuep ^wsueoji
Ajosjndiuoo neje qlfeM uese} uejenjaBuad 'uizi ue6uep *%ioduj! lejjBjed* ne^B UBjas
^ioduj} i^iedes i}b> | Bubi ai>)!iiui!p nduieui 8ueA uB ; eqis8)f UB ; BUipiii>iJed
uep ue^qmed BpBde>j e;sAe]B|Aises>jB ujuiBfueuj ^n%un (Sdiy}

A^jddojd

IBn;oeiidfujs^oedsY pdjeid^j-dpBj i^iadas BjBiueBBqied UBjfuBfjed

ijBMBq ip ue>j>jn^unjedip iieje; BUBA !!!qis>}e|| UB>JBUBS>JBI8IU

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAA : LISAN

DARIPADA : TUANCHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 21 MAC 2011

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah keluasan pelupusan tanah telah diluluskan oleh Kabinet Malaysia dalam tahun 2006 hingga 2010 dan nyatakan lokasi dan jumlah nilai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Perlembagaan Malaysia, tanah adalah di bawah bidang kuasa dan urusan Kerajaan negeri, Oleh yang demikian pemberimilikan adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri dan bukan Kabinet Malaysia.

SOALAN NO.: 70

Sekian, terima kasih.

PE1V!BER!TAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, IVSALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dr. Tan Seng Gsaw
KAWASAN : Kepong
TARIKH : 21.3.2011 (Isnin)
NO. SOALAN : **M 7**

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta IVSENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah sebenarnya dasar berkaitan Permit Import (AP) kenderaan. Pada puratanya,apakah jumSah AP yang dikeluarkan setiap tahun dan kriteria yang digunakan untuk mengagihkannya serta jumlah kenderaan yang dismport.
JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais dan had bumbung bagi kedua-dua kategori adalah berdasarkan 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan (TIV) tahun sebelumnya, Jumlah peruntukan AP tahunan yang diagihkan kepada syarikat- syarikat pemegang AP adalah

berdasarkan kepada kemampuan kewangan dan pengurusan syarikat serta pematuhan kepada garis panduan pentadbiran AP, Dasar semasa bagi AP Terbuka dan AP Francais adalah seperti berikut:

(i) AP Terbuka (98 syarikat)

- Pemegang AP Terbuka dibenarkan mengimport semua jenis kereta baru dan terpakai dari mana- mana sumber di luar negara kecuali 20 l enama kereta baru yang dikenakan syarat sekatan import;

ameq eiueuaj-eiueue! epede>| ue^buequij^iadip slboubjj- dV
ue>in)unj3d epei.) uep ueSpBueqlp efeiles epe e;pas eiueuel sieouej^
| ;|uenqiebued eAuei| ue>|de)auau] 6002 JOC|OMO 83 eped leuoiseN
moiuoinv JBSBO ejnuies ueile>| •

uep

lsieouejj uejlueued ue>|jesepjeq n^ue^ie; euieuet -BU|BUo] ;6eq ejebau
jen| | p jen|ebued }e>njeAs uep sme; bjbo8S meq ueejapue>|
^lodiujbueui UB3pBU0qip eAueq sieouej^j dv 6uB6eui9d •

(p>jpB^S^3) S|BOUBJJ dv

•meq ;B>JUBAS-;B>JUBAS

epeda>j ue>ft3uequi!^iad;p eynqje_l dV ue^n^umad epe □ BMBijeq

ue>|de;aeuj 6002~leqopjo~83 eped |euo!seN j! : ouio;nv JBSbq

e|nuies ueile» •

uep Junqei g ebbuii] \i|e|epe moduli UB>jJBU.qip BubA

;e>|edj3^ ueejepue^ eisen—peij •

Untuk makluman Ahif Yang Berhormat , pada tahun 2010, jumlah AP yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dan AP Francais adalah sebanyak 53,859 unit Bagi tahun 2011, sehingga 1 Mac 2011, sebanyak 11,890 unit telah dikeluarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 21 MAC 2011 (ISNIN)
DARIPADA Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

SOALAN :■

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan penduduk di Teluk Intan sering kali telah mengadu tentang perkhidmatan yang kurang memuaskan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) terutamanya pengutipan sampah dan pembersihan di kawasan perumahan. Apakah Kementerian boleh memberi jaminan bahawa penduduk Teluk Intan tidak akan mengalami masalah seperti tersebut.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 , Majlis Perbandaran

JAWAPAN :■

Teluk Intan telah menerima sebanyak 650 aduan berkaitan dengan masalah kebersihan. Sementara itu, sehingga Februari 2011, sebanyak 64 aduan telah diterima.

Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke — 55 yang pada 25 September 2006 telah bersetuju untuk mengambil 6 langkah strategik untuk mengatasi masalah-masalah kebersihan di PBT-PBT seluruh negara.

Memandangkan tanggungjawab pengurusan sampah dan kebersihan masih di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), maka langkah- langkah ini sama ada sebagai penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang adalah mengikut keperluan dan kemampuan PBT. Dengan melaksanakan langkah-langkah strategik ini, diharap masalah-masalah kebersihan tersebut dapat dibendung dan seterusnya dapat mengurangkan penyebaran penyakit.

Selain daripada itu, dalam mesyuarat tersebut juga memutuskan supaya pihak PBT memperuntukkan sejumlah wang daripada geran tahunan yang telah dinaikkan untuk tujuan penyelenggaraan parit/longkang, penyelenggaraan tandas awam, jalan dan kemudahan awam agar penduduk-penduduk dapat menikmati persekitaran yang lebih bersih dan berkualiti.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011